



PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN**

KHAMIS: 26 JUN 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, 13 HINGGA 97)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 4 HINGGA 12
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)

TARIKH : 26.6.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah lagi sekolah menengah kebangsaan di Tambunan memandangkan bahawa daerah Tambunan sekarang ini mempunyai hanya 3 buah sekolah menengah Kerajaan dan hanya sebuah sekolah menengah separuh Kerajaan, dan keempat-empat sekolah menengah ini tidak boleh menampung murid-murid daripada 29 buah sekolah rendah di daerah Tambunan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum merancang untuk membina sekolah menengah baru di daerah Tambunan, Sabah kerana empat buah sekolah menengah sedia ada masih boleh menampung keperluan murid daripada 29 buah sekolah rendah di daerah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMK Nambayan adalah sekolah baru yang mempunyai 36 bilik darjah dan sehingga kini hanya 18 bilik darjah sahaja yang digunakan. Manakala SMK Tambunan pula telah mendapat bangunan gantian dalam RMKe-8. Sebagai perancangan jangka panjang, dalam RMKe-9, KPM akan membina bangunan baru yang menyediakan 18 bilik darjah, lapan unit rumah guru dan lain-lain kemudahan seperti pendawaian dan pembekalan elektrik di SMK Desa Wawasan bagi keperluan guru dan murid di daerah tersebut.

11/13

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Datuk Seri Panglima Mojilip bin
Bumburing @ Wilfred [Tuaran]
Tarikh Menjawab : 26 Jun 2008 (Khamis)
Soalan : [No. ~~38~~ 13

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan apakah dasar dan strategi Kementerian beliau untuk membantu pekebun kecil supaya mereka dapat berkecimpung dalam perladangan sawit atau pun getah khasnya di negeri Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Dasar dan strategi KPPK untuk membantu pekebun kecil supaya mereka dapat berkecimpung dalam perladangan sawit negeri Sabah adalah seperti berikut :-

- i. Menyediakan bantuan anak benih sawit bagi menggalakkan pekebun kecil mengusahakan tanaman sawit. Peruntukan untuk negeri Sabah dalam RMKe-9 adalah berjumlah RM5 juta. Setakat 31 Mei 2008, sebanyak 301 permohonan telah diluluskan dengan keluasan 426 hektar;
- ii. Bagi pekebun kecil yang tidak layak memohon bantuan anak benih sawit seperti di para 1 di atas, Agro Bank ada menyediakan pinjaman mudah untuk tanaman baru/tanam semula sawit. Jumlah pinjaman maksimum adalah RM6000/ha, dengan kadar faedah 4% setahun dan tempoh bayaran balik 10 tahun dengan diberi pilihan untuk menangguhkan bayaran untuk empat tahun pertama;
- iii. Menyediakan Pegawai Tunjuk Ajar Khidmat Nasihat Sawit (TUNAS) bagi memberi bantuan khidmat nasihat serta menyalurkan bantuan-bantuan di bawah RMKe-9. TUNAS mula ditempatkan di Sabah pada awal tahun 2003 dan pada masa ini terdapat 18 Pegawai TUNAS di Sabah; dan

- iv. MPOB telah menubuhkan Stesen Penyelidikan Sawit di Lahad Datu pada tahun 1989. Di samping menjalankan penyelidikan untuk keperluan perladangan (estet), MPOB juga menjalankan penyelidikan yang relevan untuk sektor pekebun kecil.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan strategi Kementerian berhubung penanaman getah adalah memberi fokus kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan yang dilaksanakan melalui penanaman klon-klon getah yang bermutu dan berhasil tinggi, penggunaan teknologi terkini serta Amalan Pertanian Yang Baik (*Good Agricultural Practice-GAP*).

Antara strategi dan program untuk membantu pekebun kecil berkecimpung dalam penanaman getah di Sabah adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan bantuan Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LITS) bagi meningkatkan hasil torehan dan pendapatan pekebun kecil. Peruntukan LITS untuk negeri Sabah bagi tempoh 2007 – 2008 adalah berjumlah RM3.7 juta melibatkan seramai 1,346 pekebun kecil. Setakat 2 Jun 2008, seramai 214 pekebun kecil telah diberi bantuan dan tunjuk ajar menggunakan LITS;

- ii. Menubuhkan Pusat Memproses Getah Berkelompok (GPC) yang dilengkapi dengan mesin-mesin pemrosesan getah bermotor bagi membolehkan pekebun-pekebun kecil menghasilkan getah keping yang lebih berkualiti;
- iii. Pegawai LGM Sabah memberi bantuan khidmat nasihat dan tunjuk ajar mengenai penggunaan teknologi terkini kepada pekebun-pekebun kecil dan kakitangan LIGS dalam bidang-bidang seperti pembajaan, penyelenggaraan, amalan agronomi, pemrosesan, sistem eksploitasi LITS dan pembukaan panel torehan getah; dan
- iv. Memperluaskan pembangunan kebun-kebun contoh dengan menanam getah menggunakan klon-klon baru berhasil tinggi bagi pengeluaran lateks dan kayu Hevea serta pembangunan kebun contoh bagi mengintegrasikan getah dengan tanaman buah-buahan supaya dapat mengoptimumkan penggunaan tanah dan memberi pendapatan tambahan kepada pekebun kecil.

LAMPIRAN F
SOALAN 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)**

TARIKH : 26 JUN 2008

**SOALAN : Minta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:-**

pelancong dari negara manakah yang ramai datang ke negara ini secara *Visa On Arrival* dan apakah faktor yang pelancong tersebut berminat untuk melancong ke negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Negara-negara utama yang ramai menggunakan kemudahan *Visa On Arrival* untuk memasuki Malaysia sepanjang Januari-Mei 2008 adalah:

Negara	Jumlah Ketibaan Pelancong Menggunakan <i>Visa On Arrival</i> Jan-Mei,2008	% Syer
India	27,518	49.99
Pakistan	10,075	18.30
China	6,867	12.47
Sri Lanka	4,475	8.13
Bangladesh	4,150	7.54
Myanmar	1,066	1.94
Lain-lain	900	1.63
JUMLAH	55,051	100.00

Tuan Yang DiPertua,

Terdapat pelbagai faktor kenapa Malaysia menjadi salah sebuah destinasi pelancongan yang sentiasa diminati. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

- a. Kestabilan politik dan ekonomi negara berbanding beberapa negara jiran menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan.

- b. Keselamatan para pelancong dan juga penduduk sentiasa terjaga dan terjamin. Dengan adanya polis pelancong yang sentiasa berada di tempat tumpuan pelancong sentiasa sedia membantu para pelancong dalam apa juga hal.

- c. Keindahan alam semulajadi dan keunikan budaya Malaysia menjadikan negara ini sebagai sebuah destinasi 'one stop' untuk para pelancong yang ingin melancong ke Asia Tenggara khususnya.

- d. Ramai penduduk Malaysia fasih berbahasa Inggeris menyebabkan ramai pelancong mudah untuk berkomunikasi apabila berada di negara ini.

- e. Keadaan cuaca negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun juga sesuai untuk aktiviti pelancongan sepanjang tahun.

- f. Infrastruktur yang moden dan lengkap seperti sistem pengangkutan, penggunaan internet yang meluas dan kemudahan perbankan antarabangsa memberi kemudahan kepada para pelancong apabila berada di Malaysia.

- g. Malaysia mampu menawarkan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan tetapi kualiti bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan menjalankan usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari semasa ke semasa bagi memastikan jumlah ketibaan pelancong dan jumlah pendapatan negara melalui industri pelancongan akan terus meningkat.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAJ)
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
SOALA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-

Adakah Kerajaan Sabah menetapkan harga siling terhadap pembelian padi petani dan BERNAS. Dan Bagaimana dengan kilang-kilang swasta yang turut membeli padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak menetapkan harga siling dalam pembelian padi di mana-mana pusat belian dan kilang padi BERNAS mahupun di kilang-kilang swasta di seluruh negara termasuk di Sabah dan di Sarawak. Kerajaan hanya menetapkan Harga Minimum Terjamin (GMP) bagi pembelian padi di pusat pembelian padi dan kilang-kilang BERNAS serta swasta di seluruh negara. Tujuan penetapan harga minimum terjamin ini adalah untuk memastikan pesawah mendapat pulangan yang setimpal dengan usaha mereka. Kerajaan pada 12 Mei 2008 telah menaikkan harga minimum terjamin dari RM650.00/MT kepada RM750.00MT. Walau bagaimanapun, mengikut laporan yang diterima ada petani-petani di kawasan padi yang telah dituai menjual pada harga melebihi daripada harga minimum tersebut, ini bergantung kepada rundingan di antara petani dengan pihak pengilang yang terbabit.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.06.2008

YB Raime bin Unggi (Tenom) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pembinaan rumah di bawah skim Rumah Mampu Milik yang ditawarkan kepada golongan keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negara, khususnya di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 15 Jun 2008, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah berjaya menyiapkan 4258 unit Rumah Mampu Milik (RMM) dan sebanyak 71,561 unit rumah pelbagai jenis sedang dibangunkan secara berperingkat di seluruh negara sehingga tahun 2010.

Di bawah skim RMM yang meliputi pembinaan rumah teres kos rendah/sederhana, apartmen kos rendah/sederhana dan rumah kedai menyaksikan Sabah mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 14,974 unit. Daripada jumlah tersebut, SPNB sedang menyiapkan sebanyak 2,266 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang meliputi beberapa daerah iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Tawau, Tuaran, Lahad Datu, Papar dan Ranau.

Tuan Yang di-Pertua,

SPNB tidak terlibat dalam urusan pengagihan rumah kos rendah kerana ianya tertakluk kepada kelulusan dan syarat yang ditentukan oleh unit atau bahagian perumahan sesebuah negeri. Bagi negeri Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) merupakan agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam dasar pengagihan rumah kos rendah kepada golongan yang layak memilikinya. SPNB hanya menerima senarai yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan melaksanakan pembinaan rumah kos rendah berdasarkan senarai tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 26 JUN 2008

**SOALAN : Y.B. DR HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk projek-projek Persekutuan sejak tahun 1994 sehingga tahun 2007 untuk Semenanjung Malaysia berbanding dengan negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Perbandingan jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk projek-projek Persekutuan sejak tahun 1991 sehingga tahun 2008 (15 Jun 2008) antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti di jadual berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM juta)			
		1991-1995	1996-2000	2001-2005	2006-2008 (sehingga 15 Jun 2008)
1	Semenanjung Malaysia	49,238	86,176	144,003	63,340
2	Sabah	2,549	6,933	13,180	8,159
3	Sarawak	2,918	5,928	12,817	4,016
JUMLAH		54,705	99,037	170,000	75,515

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO.18

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan memandangkan sejak tahun 2003, sistem kuota dihapuskan dan diganti dengan sistem Meritokrasi, adakah dasar ini memberi kesan kepada penghasilan profesional Melayu dalam kursus-kursus penting di IPT.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar meritokrasi yang telah diguna pakai bagi pemilihan kemasukan ke IPTA mulai Sesi Akademik 2002/2003 bertujuan untuk meningkatkan daya saing pelbagai kaum dalam memperolehi peluang pendidikan tinggi.

Sejak 6 tahun dasar meritokrasi dilaksanakan, penawaran tempat ke IPTA bagi pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera tidak menunjukkan perubahan yang ketara berbanding dengan sistem kuota yang diamalkan sebelum itu.

Pola pemilihan dan penawaran tempat bagi beberapa program pengajian kompetitif terutamanya Perubatan, Pergigian, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal dan Perakaunan menunjukkan kira-kira 50 sehingga 60 peratus tempat di IPTA di isi oleh pelajar Bumiputera. Justeru, dasar ini telah berjaya memberi inisiatif kepada semua pelajar untuk berusaha lebih gigih bagi mendapat tempat pengajian di IPTA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]**

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

**Y.B Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :**

- (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan ekuiti masyarakat India kepada 3% seperti yang telah dirancang serta keseluruhan untuk meningkatkan sosio ekonomi masyarakat India dalam pelbagai bidang; dan
- (b) Apakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil dan siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tanggungjawab mencapai matlamat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

(a) Kerajaan sememangnya komited untuk peningkatan pemilikan ekuiti oleh etnik India kepada 3% dapat di capai menjelang tahun 2020. Usaha meningkatkan pemilikan ekuiti India dalam sektor korporat akan diberi penekanan oleh Kerajaan dengan memperkenalkan dan melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan. Sehubungan itu, antara usaha-usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan di bawah RMKe-9 adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan peluang untuk mendapatkan latihan kemahiran di pusat latihan kemahiran di seluruh negara di mana sepanjang tahun 2005-2006, seramai lebih kurang 2,600 belia daripada komuniti India telah dilatih di dalam pelbagai jenis kemahiran
- (ii) Meningkatkan bilangan usahawan daripada komuniti India
 - Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) untuk melaksanakan Skim Pembangunan Usahawan Muda India (YEIDS) dengan pinjaman kecil kepada golongan muda India bagi memulakan perniagaan.

- Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga menyediakan latihan keusahawanan untuk kaum India sebagai satu program pembangunan usahawan India. Jumlah peserta yang telah menerima latihan di bawah skim latihan ini ialah seramai 4,627 orang iaitu 1,240 orang pada tahun 2006 dan 3,387 orang pada tahun 2007.
- (iii) Meningkatkan peluang kepada komuniti India untuk menyertai skim saham amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB) seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Saham Nasional 3 (ASN 3) serta tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta.
- Terdapat peningkatan ketara pelaburan etnik India dalam unit skim amanah yang dikendalikan oleh pihak PNB daripada 262 juta unit amanah saham pada tahun 2004 kepada 598.9 juta unit amanah saham pada tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 128.9%.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi keberkesanan, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah berjaya meningkatkan pegangan ekuiti etnik India dalam sektor korporat daripada RM6.3 billion pada tahun 2004 kepada RM7.0 billion pada tahun 2006. Secara keseluruhan, langkah-langkah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti etnik India dilaksanakan menerusi agensi dan kementerian utama seperti UPE, MOF, MITI dan MeCD.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci semua kos perbelanjaan mengikut perkara-perkara spesifik yang telah dibelanjakan dalam cadangan pembangunan "High Performance Training Center" di Brickendonbury, London yang telah dibatalkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Pecahan kos perbelanjaan bagi perkara tersebut di atas adalah seperti di dalam carta di bawah:

PENYATA PERBELANJAAN PLPT LONDON

BIL	TARIKH BAYAR	PECAHAN PERBELANJAAN	JUMLAH KECIL (RM)	JUMLAH BESAR	JUSTIFIKASI PERBELANJAAN
1.	4 Mei 2006	<p>a. Bayaran untuk penyediaan laporan kajian <i>Feasibility</i> oleh juruperunding-juruperunding tempatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - HOK International - DLA Town Planning Ltd - Small Architecture Ltd <p>b. Bayaran balik perbelanjaan urusan koordinasi oleh Cobrain Holdings Sdn. Bhd.</p>	<p>270,000.00</p> <p>47,500.00</p>	317,500.00	Penyediaan kajian <i>feasibility</i> yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Pembangunan Sukan
2.	30 Julai 2007	<p>a. Kos latihan pasukan skuasy negara di PLPT</p> <p>b. Kerja ukur dan penyediaan 'As built drawing' tapak TAR RC</p> <p>c. Kos 2 perunding dari UK ke Malaysia untuk pembentangan laporan kepada JKPS pada 25 dan 26 Sept 2007</p> <p>d. Fee laporan 'Town Planner'</p> <p>e. Fee laporan oleh QS</p> <p>f. Profit 'attendance' kepada kontraktor sebanyak 10%</p>	<p>70473.15</p> <p>188,922.00</p> <p>156,244.98</p> <p>52,698.75</p> <p>32,348.95</p> <p>43,169.85</p>	476,072.38	Kos program ini didahulukan oleh Naga Gemilang Sdn. Bhd.
3.	31 Mei 2007	<p>a. Pembelian peralatan pejabat terpakai untuk Pejabat Sekretariat di TAR RC termasuk papan tanda.</p> <p>b. Kos sewa bilik pejabat di TARRC untuk Sekretariat PLPT bagi bulan April - Jun 2007 pada kadar £1,440.70 sebulan dengan VAT sebanyak 17.5%</p>	<p>4,846.18</p> <p>34,906.34</p>		

BIL	TARIKH BAYAR	PECAHAN PERBELANJAAN	JUMLAH KECIL (RM)	JUMLAH BESAR	JUSTIFIKASI PERBELANJAAN
		<p>c. Kos pembelian peralatan sukan seperti goal post, jaring, corner pole flag, speed ladders, £3,411.00 dengan VAT sebanyak 17.5%.</p> <p>d. Kos sewaan 3 bilik pejabat TAR RC untuk Seretariat PLPT bagi bulan Julai – September 2007 pada kadar £1,440.70 sebulan dengan VAT 17.5%.</p>	27,545.54	102,354.23	Bayaran balik kepada TARRC yang mendahulukan pembelian peralatan ini.
4.	Belum Bayar	<p>Bayaran tertunggak kepada TAR RC seperti berikut:</p> <p>a. Penyediaan makanan bagi bulan Jun dan Julai 2007 (pasukan bolasepak) £820.52</p> <p>b. Sewa bilik Sekretariat dari 01 Okt hingga 31 Disember 2007 - £5,078.47</p> <p>c. Buat garisan padang pada 11 Julai 2007 - £129.25</p> <p>d. Penyediaan makanan pada bulan Ogos dan Sept 2007 untuk pasukan bolasepak - £1,260.54.</p> <p>e. Sewa bilik Sekretariat dari 01 Jan 2008 hingga 31 Mac 2008 - £5,078.47</p>			Jumlah £12,366.73
5.	Belum Bayar	Bayaran penyediaan laporan dan dokumen bagi permohonan kelulusan pelan pembangunan oleh juruperunding-juruperunding tempatan (UK) termasuk 10% dibayar kepada Naga Gemilang Sdn Bhd.	1,650,132.88		

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Daripada : Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
Pertanyaan : Lisan
Tarikh : 26 Jun 2008

Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan aliran masuk dana asing bagi bulan Mac, April, dan Mei tahun 2008 dan bagaimanakah ia mencerminkan kekuatan ekonomi kita berkaitan keyakinan para pelabur.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pengaliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia meningkat dengan ketara kepada RM29.1 bilion pada tahun 2007 berbanding dengan RM22.2 bilion pada tahun 2006. Data pengaliran masuk FDI bagi bulan Januari hingga Mac 2008 hanya akan dikeluarkan secara rasmi pada 30 Jun tahun ini manakala data bagi April hingga Jun 2008 akan dikeluarkan pada bulan September tahun ini. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi pelaburan asing dalam bidang pembuatan bagi tempoh 4 bulan pertama tahun ini terus berkembang kukuh

mencatatkan RM16.6 bilion berbanding RM7.9 bilion bagi tempoh yang sama pada 2007. Perkembangan ini sudah semestinya mencerminkan pengukuhan keyakinan para pelabur terhadap ekonomi Malaysia. Ini disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh dengan pasaran buruh yang stabil, harga komoditi yang tinggi, permintaan dalam negara yang kukuh serta peningkatan pelaburan swasta.

2. Selain itu, Indeks Keadaan Perniagaan (*Business Conditions Index*, BCI) mencatat peningkatan kepada 119.9 mata bagi suku pertama 2008 berbanding 105.5 mata bagi tempoh yang sama pada 2007. Ini turut digambarkan melalui penunjuk pelaburan utama seperti peningkatan import barang modal dan pengantara sebanyak 7.8% dan 9.8% dalam tempoh 4 bulan pertama 2008. Sementara itu, jualan kenderaan perdagangan juga meningkat sebanyak 17.9% bagi tempoh yang sama. Peningkatan BCI dan penunjuk-penunjuk pelaburan ini, mencerminkan sentimen perniagaan yang positif serta keyakinan pelabur terhadap iklim pelaburan yang menggalakkan selaras dengan usaha Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peratusan sumbangan daripada sektor petroleum, gas dan sektor minyak sawit kepada perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar pada setiap 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sektor petroleum menyumbang sebanyak 4.1% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2007, 4.6% pada tahun 2005 dan 6.1% pada tahun 2000. Sumbangan sektor gas kepada KDNK pula adalah sebanyak 4.2% pada tahun 2007, 4.7% pada tahun 2005 dan 4.3% pada tahun 2000. Bagi sektor minyak sawit, ia menyumbang sebanyak 2.3% kepada KDNK pada tahun 2007, 2.4% pada tahun 2005 dan 2.2% pada tahun 2000.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)
TARIKH : 26.6.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan bagi menyediakan sebuah Sekolah Menengah Teknik di Sungai Lang, Sabak Bernam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari memang terdapat keperluan untuk menyediakan Sekolah Menengah Teknik di Sabak Bernam. Sehubungan dengan itu, KPM sedang merancang projek pembangunan Sekolah Menengah Teknik di Sungai Lang, Sabak Bernam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperluaskan kursus berasaskan kemahiran untuk menyediakan pelajar yang inovatif, kreatif dan berdaya saing selaras dengan keperluan semasa, KPM terpaksa mengkaji semula projek tersebut supaya lebih banyak kursus aliran vokasional dan kemahiran dapat ditawarkan di sekolah berkenaan.

SOALAN NO: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 26 JUN 2008

RUJUKAN : 1062

SOALAN:

Datuk Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian membantu bekas-bekas banduan dan keluarga mereka supaya dapat hidup semula dalam masyarakat dan tidak tersisih dari arus pembangunan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan dari segi perundangan dan juga kewangan bagi membantu bekas-bekas banduan dan juga keluarga mereka untuk menampung kehidupan dan penerimaan dalam masyarakat. Walaubagaimanapun, berasaskan prinsip pentadbiran penjara yang ditetapkan oleh Peraturan Penjara iaitu pemulihan, keinsafan serta penyesuaian diri banduan setelah dibebaskan, Jabatan Penjara menekankan usaha-usaha pemulihan, pembelajaran (akademik dan kemahiran vokasional bersijil) serta latihan vokasional yang diberikan kepada banduan di dalam atau di luar penjara semasa mereka masih lagi menjalani hukuman. Bentuk pemulihan dan latihan sedemikian memberikan penekanan agar mereka insaf, berpengetahuan, berkemahiran serta mampu berdikari apabila kembali semula kepada masyarakat. Dalam usaha tersebut, Jabatan Penjara turut mendapatkan bantuan dan sokongan dari lain-lain Kementerian, agensi swasta serta masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Salah satu usaha Jabatan Penjara ke arah tersebut ialah melalui pelaksanaan sistem parol yang mana telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan pada tahun ini. Melalui pelaksanaan sistem

berkenaan, Jabatan Penjara akan meneruskan pemulihan pesalah sebelum mereka benar-benar dibebaskan ke dalam masyarakat. Banduan-banduan yang dibebaskan secara parol akan dibina keyakinan dan kemahiran mereka melalui latihan, pemulihan kawalan serta pekerjaan di luar penjara. Salah satu syarat yang diperlukan bagi maksud pertimbangan pembebasan secara parol ialah banduan mesti mempunyai sokongan dari keluarga, ahli masyarakat atau agensi swasta. Sistem tersebut akan memudahkan lagi bekas banduan untuk menyesuaikan diri dan lebih diterima oleh masyarakat apabila mereka dibebaskan sepenuhnya kelak.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi keluarga banduan pula, Pembantu Pegawai Kebajikan yang ditempatkan di penjara akan membantu memproses permohonan keluarga banduan bagi mendapatkan bantuan dari Jabatan Kebajikan. Bagi maksud bantuan terus yang diberikan kepada bekas banduan apabila mereka dibebaskan, Peraturan Penjara memperuntukkan penubuhan badan bukan kerajaan seperti DPAS (Persatuan Bagi Membantu Bekas-Bekas Banduan). Di samping itu, Jabatan Penjara juga telah menubuhkan Kelab Sahabat Penjara melalui kerjasama dengan usahawan yang berjaya. Di antara bantuan yang diberikan oleh kedua-dua pertubuhan tersebut kepada bekas banduan ialah modal permulaan perniagaan, latihan kemahiran, kos perubatan dan kos pelajaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 26 JUN 2008
SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memastikan ibu-ibu yang melahirkan anak mempunyai tempat bersalin yang secukupnya di hospital memandangkan katil dan tempat yang disediakan adalah terhad.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, kebanyakan pesakit lebih cenderung untuk datang ke hospital-hospital negeri yang berpakar untuk melahirkan anak. Ini menyebabkan berlakunya kesesakan di dewan bersalin hospital-hospital berpakar tersebut.⁴ Bagi memastikan ibu-ibu yang melahirkan anak mempunyai tempat bersalin yang secukupnya di hospital-

hospital Kerajaan, beberapa langkah dan perancangan telah dan sedang dijalankan bagi memastikan perkhidmatan obstetrik yang efisien dapat diberikan kepada ibu-ibu tersebut. Langkah-langkah yang dilakukan adalah :

- i. menempatkan pakar-pakar O&G di hospital-hospital daerah supaya pesakit-pesakit dapat melahirkan anak di hospital-hospital daerah yang mempunyai kepakaran dalam bidang O&G dan bukan lagi terhad di hospital-hospital negeri.
- ii. beberapa buah hospital seperti Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh mempunyai *Alternative Birthing Centre* (ABC) yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di dewan-dewan bersalin hospital-hospital berkenaan. *Alternative Birthing Centre* (ABC) ini akan mengendalikan kes-kes yang tidak berisiko tinggi (*low risk centre*). Terdapat dua jenis ABC iaitu *Urban ABC* dan *Rural ABC* dan ia diketuai oleh seorang Ketua Jururawat / Jururawat Terlatih. Pesakit-pesakit tersebut akan dibenarkan pulang dalam masa 24 jam selepas melahirkan anak sekiranya mereka tidak mempunyai sebarang komplikasi selepas kelahiran. ABC ini akan dapat membantu mengurangkan kesesakan di dewan-dewan bersalin. Perancangan untuk mewujudkan ABC seperti ini di hospital-hospital lain adalah Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.

- iii. perancangan untuk mewujudkan beberapa bangunan kompleks materniti baru (*maternity complex*) dan wad-wad bersalin baru iaitu Hospital Wanita & Kanak-Kanak di Hospital Kuala Lumpur, kompleks materniti di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Hospital Ipoh. Terdapat juga hospital-hospital baru seperti Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star yang dilengkapi dengan penambahan katil di wad materniti bagi memastikan perkhidmatan obstetrik yang diberikan adalah berkualiti dan efisien.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 26 JUN 2008
SOALAN :**

Tuan Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian membuat pemantauan terhadap gejala pengguguran bayi di klinik-klinik swasta dan apakah tindakan yang dikenakan kepada doktor yang menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan pemantauan terhadap klinik-klinik swasta yang didapati melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan Peraturannya. Walau bagaimanapun, bagi kes pengguguran bayi, ia merupakan kesalahan jenayah di bawah Seksyen 312, Kanun Keseksaan dan berada di bawah bidang kuasa pihak polis.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH : 26 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah PETRONAS perlu menanggung subsidi gas kepada pihak IPP dan apakah kepentingan Kerajaan yang menyebabkan PETRONAS terpaksa menanggung subsidi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya jelaskan disini bahawa PETRONAS tidak memberi apa-apa subsidi dalam bentuk kewangan kepada penjana kuasa elektrik persendirian (IPP) dan juga kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). PETRONAS hanya membekalkan gas pada harga yang rendah kepada sektor elektrik seperti ditetapkan oleh Kerajaan iaitu pada paras RM6.40/MMBtu sejak Mei 1997. Penetapan harga gas tersebut antara lain adalah bertujuan mengawal kos penjanaan elektrik dan seterusnya tarif elektrik yang mampu dibayar (dengan izin - *affordable*) oleh pengguna akhir. Oleh

itu, 'subsidi' atau diskaun harga gas seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak memanfaatkan IPP tetapi sebaliknya pengguna akhir dalam bentuk tarif elektrik yang rendah.

Namun demikian, pada 4 Jun 2008 yang lepas, Kerajaan telah mengumumkan rancangan penstrukturan semula pakej subsidi termasuk pengurangan subsidi harga gas kepada sektor elektrik. Walaupun langkah ini akan meningkatkan tarif elektrik kepada pengguna akhir, ia dijangka tidak terlalu membebankan. Malahan, bagi pengguna domestik yang menggunakan elektrik tidak melebihi 200 kilo watt jam sebulan (kWj/bulan), kadar tarif elektrik akan dikekalkan dan bilangan pengguna di dalam kategori ini adalah dianggarkan seramai 3.3 juta atau 59.1% dari pengguna domestik. Sehubungan ini, pengguna perlu lebih berhemah dalam menggunakan sumber tenaga yang semakin menyusut dan bersama-sama berusaha untuk mengelakkan amalan-amalan yang boleh mengakibatkan pembaziran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB. PUAN SITI ZAILAH BT. MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.07.2008

Y.B Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) meminta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peruntukan untuk membangunkan kawasan bebas cukai Pekan Rantau Panjang supaya setaraf dengan pembangunan di kawasan sempadan yang lain seperti di Johor dan Perlis dan bilakah akan dilaksanakan

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi membangunkan kawasan bebas cukai di seluruh Malaysia disediakan sendiri oleh Pihak Berkuasa Zon. Ini adalah selaras dengan Seksyen 3 Akta Zon Bebas 1990 di mana Pihak Berkuasa Zon yang dilantik bertanggungjawab untuk mentadbir, menyelenggarakan dan menjalankan operasi di kawasan tersebut.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) berapa lama diambil bagi proses pembahagian hakmilik strata penyerahan rumah kepada pembeli; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menyelesaikan pembahagian hakmilik strata bagi pemaju yang telah gulung tikar atau ketidakwujudan syarikat tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh masa yang diambil bagi memproses permohonan dan pengeluaran hakmilik strata di Pejabat-
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Semenanjung Malaysia ialah 268 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. Manakala bagi tujuan memindahmilik hakmilik-hakmilik strata pula, pemaju dikehendaki memindahmilik hakmilik-hakmilik strata tersebut kepada pembeli-pembeli dalam tempoh 12 bulan dari tarikh hakmilik-hakmilik strata tersebut dikeluarkan oleh Pejabat Tanah, sebagaimana ditetapkan sedemikian menurut seksyen 40A Akta Hakmilik Strata 1985.

(b) Sekiranya pemilik tanah berdaftar (pemaju) telah didapati gulung tikar atau bankrap atau mufliis, maka langkah yang seterusnya patut diambil bagi memohon hakmilik strata adalah terletak di bawah tanggungjawab penerima (*'receiver'*) atau pelikuidasi (*'liquidator'*). Dalam situasi ini, pembeli-pembeli skim strata yang berkenaan sewajarnya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada *'receiver'* atau *'liquidator'* tersebut supaya proses permohonan dan pengeluaran hakmilik strata tidaklah tergendala. Setelah hakmilik-hakmilik strata itu dikeluarkan, maka langkah untuk memindahmilik hakmilik-hakmilik strata tersebut kepada pembeli-pembeli adalah juga terletak di bawah tanggungjawab *'receiver'* atau *'liquidator'* yang berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN FUZIAH BINTI SALLEH**
TARIKH : **26 JUN 2008**

PUAN FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:

- (a) bilakah tarikh pemberian permit teksi kepada individu akan dilaksanakan; dan
- (b) adakah keutamaan permit tersebut akan diberi kepada pemandu teksi sekarang yang sedang menyewa permit orang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang memuktamadkan akan cadangan pengeluaran lesen teksi kepada pengusaha individu dan cadangan penambahbaik perkhidmatannya.
- (b) Satu kertas Jemaah Menteri sedang disediakan oleh Kementerian untuk keputusan Kerajaan. Seandainya cadangan tersebut dipersetujui, keutamaan permohonan lesen akan diberikan kepada pemandu kedua iaitu pemandu teksi syarikat atau koperasi yang telah memandu melebihi 5 tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)**

TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah peratusan kes cerai yang berlaku di Negara sepanjang 2007 berdasarkan bangsa dan agama. Daripada jumlah tersebut adakah kajian dibuat terhadap kanak-kanak yang mengalami trauma akibat daripada penceraian.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Data rasmi kes cerai dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2007 belum lagi ada. Walau bagaimanapun, berdasarkan data rasmi tahun 2006, kes penceraian yang dilaporkan bagi pasangan Islam ialah sebanyak 21,419 dan 4,066 bagi pasangan bukan Islam. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-4 (KPKM-4), yang dilaksanakan pada tahun 2004 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati peratusan bercerai bagi penduduk berumur 15 tahun dan lebih ialah 1.4 peratus dari jumlah penduduk Malaysia dalam kategori umur tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian sedia ada, penceraian sememangnya memberi kesan negatif dan trauma kepada kanak-kanak seperti rendah diri, murung, agresif dan transeksual. Antara

penemuannya yang diperolehi dari kajian sedia ada mengenai penceraian ialah:

- Kajian “*A Preliminary Study On Non-Custodial Fathers Contact With Their Children After Divorce In Malaysia*” (Prof Madya Dr. Zaleha Kamarudin, UKM, 2005) menyimpulkan bahawa anak-anak yang masih kecil lazimnya tidak mempunyai hubungan yang akrab dan mesra dengan bapa sekalipun pihak bapa masih mempunyai tanggungjawab memberi nafkah, menyediakan keperluan pendidikan dan material kepada anak.
- Kajian Kesejahteraan Anak dan Kefungsian Keluarga Ibu Tunggal Melayu di Bandar : Pengaruh Faktor Risiko dan Pelindung (Dr. Anjli Doshi, LPPKN, 2005) mendapati, kesulitan ekonomi merupakan faktor risiko penting memberi kesan ke atas kesejahteraan anak. Selain itu penemuan kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal yang mempunyai tahap kefungsian pelindung yang lebih tinggi (kecekapan

mengendalikan tekanan, tingkahlaku keibubapaan dan sokongan sosial) lebih berkecenderungan mempunyai tahap kefungsiian keluarga dan kesejahteraan anak yang lebih tinggi.

Sementara itu dari beberapa kajian yang dibuat di negara-negara barat didapati anak-anak yang dibesarkan dari keluarga yang dipimpin oleh ibu tunggal atau bapa tunggal lebih cenderung terlibat lebih awal dalam aktiviti seksual berbanding rakan-rakan sebaya (sumber : *Journal of Behavioral Medicine* 17 " *The Social Context for Risky Sexual Behavior Among Adolescents*" Carol W. Metzler, 1994) dan remaja yang tinggal dalam keluarga yang dipimpin oleh ibu/bapa tunggal lebih cenderung terlibat dalam kes-kes seperti bunuh diri dan menghadapi masalah psikologi (sumber : Kajian "*Post – traumatic Stress Disorder in Peer of Adolescent Suicide Victims : Predisposing Factors and Phenomenology.*" *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 34, David A. Brent , 1995).

Walau bagaimanapun Kementerian berpendirian bahawa faktor-faktor positif dalam persekitaran anak-anak seperti sokongan sosial daripada keluarga, ibu bapa yang telah berpisah sedia bertolak ansur serta mementingkan kesejahteraan anak akan memudahkan proses penyesuaian anak-anak kepada penceraian ibu bapa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN

TARIKH: 26 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan melalui Perbadanan Tabung Pembiayaan yang disalurkan kepada belia India bagi Program Latihan Kemahiran ; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk mempromosikan program-program Latihan Kemahiran untuk penduduk India di luar bandar.

PR-1212-L13200

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan pelatih dan amaun pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dari 1 Jun 2006 hingga 19 Jun 2008 termasuk kepada belia India adalah seperti **Jadual 1**.

Jadual 1: Bilangan Peminjam Dan Amaun Pinjaman Yang Diberikan Bagi Program Latihan Kemahiran Dari 1 Jun 2006 Hingga 19 Jun 2008

Tahun	Peruntukan (RM juta)	Bilangan Peminjam (Keseluruhan)	Amaun Pinjaman Yang Dikeluarkan (RM juta) (Keseluruhan)	Bilangan Peminjam (India)	Amaun Pinjaman Yang Dikeluarkan (RM juta) (India)
2006	47.79	10,355	45.5	612	2.3
2007	-	10,087	47.8	1,212	5.3
Sehingga 16.6.08	100.00	4,267	19.3	537	2.2
Jumlah	916.79	160,337	757.1	2,361	9.8

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia melalui Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menyediakan pelbagai program latihan kemahiran peringkat Sijil sehingga Diploma Lanjutan yang meliputi bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Awam dan Bangunan, Percetakan dan Bukan Logam. Latihan ini bertujuan memberi peluang kepada para belia untuk meningkatkan tahap kemahiran diri bermula dari kemahiran asas hingga kepada kemahiran pengurusan penyeliaan. Program latihan yang dijalankan di ILJTM terbuka kepada semua kaum di Malaysia.

Bagi memperkenalkan program-program yang dijalankan, beberapa promosi telah dilaksanakan oleh JTM dan ILJTM di seluruh negara melalui pelbagai media seperti televisyen (RTM dan TV3), radio (ERA dan radio-radio negeri), akhbar (Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times, Nanyang Siang Pau & China Press, **Malaysian Nanban & Tamil Nesan** serta akhbar Sabah Daily, Utusan Sarawak dan Borneo Post bagi negeri-negeri di Wilayah Timur dan lain-lain). Pengedaran risalah, pameran, ceramah di sekolah-sekolah dan komuniti setempat serta aktiviti promosi lain juga dilaksanakan. Aktiviti promosi ini bukan sahaja meliputi kawasan bandar malah turut melibatkan kawasan luar negeri termasuk ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Bagi meningkatkan penyertaan kaum India dan kaum-kaum tertentu, JTM juga bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk mempromosikan program-program yang ditawarkan di ILJTM.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, KSM melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mengambil langkah untuk mempromosikan program latihan kemahiran kepada penduduk India di luar bandar melalui kaedah berikut:

- i. Menggalakkan Penyedia Latihan (PL) mempromosikan program ini sama ada secara bersendirian atau secara bersama dengan Persekutuan Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (FeMAC); dan
- ii. PTPK bekerjasama dengan FeMAC untuk mempromosikan program ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : KHAMIS, 26 JUN 2008

RUJUKAN : 05

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kos keseluruhan untuk projek membesarkan jalan "JALAN GENTING KELANG DARI PERSIMPANGAN JALAN AIR PANAS KE PERSIMPANGAN JALAN 1/27A" di Wangsa Maju dan kenapakah Kementerian tidak mengadakan "Tender Terbuka" sebelum memberikan projek tersebut kepada Mentari Contracting (M) Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, kos keseluruhan bagi projek "JALAN GENTING KLANG DARI PERSIMPANGAN JALAN AIR PANAS KE PERSIMPANGAN JALAN 1/27A" di Wangsa Maju adalah sebanyak **RM 40 juta** termasuk kos pengambilan tanah berjumlah RM 20 juta. Jumlah peruntukan yang disediakan untuk perbelanjaan bagi tahun 2008 adalah sebanyak **RM 25 juta**.

Pelawaan tawaran projek ini telah dibuat secara tender terbuka kepada kontraktor-kontraktor Kelas A melalui iklan-iklan yang disiarkan pada 10 April 2007 di dalam akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian dan laman web DBKL. Setelah tawaran ini ditutup pada 3 Mei 2007, sebanyak empat puluh sembilan (49) kontraktor telah mengambil bahagian di dalam pelawaan tawaran ini.

Penilaian tawaran telah dibuat diperingkat DBKL dan Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memilih kontraktor berdasarkan aspek-aspek kesempurnaan tender, teknikal dan kewangan dan juga komersial.

Tetuan Mentari Contracting (M) Sdn. Bhd. telah menepati aspek-aspek dan kriteria yang ditetapkan dan telah

ditawarkan kontrak dengan nilai kontrak RM18,966,428.00 serta tempoh siap projek selama 74 minggu. Kerja pembinaan projek telah bermula pada 18 Disember 2007 dan dijangka siap pada 18 Mac 2009. Kerja pembinaan adalah mengikut jadual dengan mengambil kira permasalahan pengambilan tanah dan juga pengalihan utiliti di tapak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO.34

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah cawangan tetap UiTM Mukah akan dicadangkan untuk dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, implementasi pembangunan UiTM Mukah adalah dirancangkan melalui kaedah perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Perancangan pembangunan ini melibatkan pembangunan kawasan seluas 500 ekar yang telah dikenalpasti untuk kegunaan UiTM di Mukah.

Bagi perancangan jangka pendek, peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan pagar, pejabat dan bilik kuliah. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada Julai 2008 dan dijangka siap pada Disember 2008. Sesi kemasukan pelajar baru adalah dijangka akan dapat dimulakan pada bulan Januari 2009.

Bagi perancangan jangka panjang pula, pembiayaan pembangunan adalah dicadangkan melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). Perancangan pembinaan jangka panjang ini akan dapat menempatkan pelajar seramai 2,000 orang dan tempoh pembinaan dijangka selama dua tahun.

Pada masa sekarang, pihak UiTM sedang menyewa 20 unit bangunan rumah kedai Boulevard Mukah untuk kapasiti pelajar seramai 700 orang. Kerja-kerja pengubahsuaian sedang giat dijalankan untuk keselesaan pelajar sementara menunggu kampus tetap UiTM Mukah siap pada penghujung tahun 2008.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]
Tarikh Menjawab : 26 Jun 2008 [Khamis]
Soalan : [No. ~~40~~ 35

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan perbandingan hasil pengeluaran buah kelapa sawit setiap hektar di ladang tanah gambut dan di tanah mineral. Berapakah jumlah kawasan ladang di tanah gambut dan di tanah mineral di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pengeluaran buah kelapa sawit di tanah mineral adalah pada kadar 20 hingga 30 tan/hektar/tahun. Potensi pengeluaran hasil buah tandan segar sawit di tanah gambut pula adalah pada kadar 16 hingga 20 tan/hektar/tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Keluasan tanaman sawit di tanah gambut adalah dianggarkan 310,000 hektar. Pecahan taburannya adalah:

- 200,000 hektar di Semenanjung;
- 100,000 hektar di Sarawak; dan
- 10,000 hektar di Sabah.

Manakala itu, keluasan tanaman sawit di tanah mineral adalah dianggarkan seluas 4 juta hektar. Pecahan taburannya adalah:

- 2.1 juta hektar di Semenanjung;
- 1.3 juta hektar di Sabah; dan
- 0.6 juta hektar di Sarawak (600,000 hektar)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)
TARIKH : 26 Jun 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah perbelanjaan untuk projek Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) sejak pelaksanaannya dan bagaimanakah dengan prestasinya untuk mencapai matlamat utamanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada Januari 2007, Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM25.8 juta** agar program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan sistematik. Peruntukan tersebut juga meliputi **RM2.4 juta** bagi memberi latihan kepada **9,938** guru dan pegawai Kementerian supaya mereka dapat benar-benar menghayati konsep dan objektif RIMUP.

Pada tahun 2007, jumlah perbelanjaan keseluruhan pelaksanaan aktiviti RIMUP di sekolah adalah sebanyak **RM15.14 juta**. Menerusi peruntukan tersebut, 67.04% murid pelbagai kaum telah mengambil bahagian dalam program RIMUP (69.2% murid Melayu, 64.5% murid Cina dan 67.1% murid India).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pelaksanaan RIMUP juga telah diperkemaskan menggunakan lima modul utama iaitu Modul Aktiviti Kecemerlangan Akademik, Modul Aktiviti Kesukanan dan Permainan, Modul Aktiviti Kokurikulum, Modul Aktiviti Khidmat Masyarakat dan Modul Aktiviti Meningkatkan Patriotisme. Menerusi pelaksanaan jangka panjang RIMUP secara konsisten di peringkat sekolah, KPM amat yakin ia dapat melahirkan generasi muda yang berupaya membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian budaya, serta mewujudkan satu jambatan yang menghubungkan sekolah-sekolah pelbagai aliran di bawah satu aspirasi nasional yang sama.

Rjm 24

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : KHAMIS, 26 JUN 2008

RUJUKAN : 06

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta. **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa terdapat banyak bangunan dalam lingkungan Bandaraya Kuala Lumpur kelihatan uzur dan seperti tidak terurus; dan
- (b) jika sedar apakah rancangan Kementerian untuk menentukan bangunan-bangunan dalam Kuala Lumpur ini sentiasa kelihatan indah, bersih dan terurus serta juga selamat kepada pengguna dan persekitarannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan, Kementerian Wilayah Persekutuan memang sedar bahawa terdapat beberapa bangunan dalam lingkungan Bandaraya Kuala Lumpur kelihatan uzur dan seperti tidak terurus.

Bangunan-bangunan tersebut dipantau mengikut kategori seperti berikut:-

1. **Aspek keselamatan dan kestabilan struktur;**
2. **Aspek terbiar dan usang;** dan
3. **Aspek fasad** yang merangkumi kebersihan dan keindahan seperti keperluan mengecat semula bangunan

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bangunan-bangunan di Kuala Lumpur ini sentiasa kelihatan indah, bersih dan terurus serta selamat kepada pengguna dan persekitarannya, Kementerian ini melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menggariskan beberapa langkah seperti berikut:

1. Bangunan yang didapati terbiar dan dalam keadaan usang akan diberikan notis (Akta Kerajaan Tempatan Seksyen 75) supaya tindakan untuk membaikpulih atau dirobuhkan dapat dilaksanakan.

2. Bagi bangunan-bangunan yang mempunyai ketinggian melebihi 5 tingkat dan telah memperolehi Perakuan Menduduki (CFO) selepas 10 tahun dan selepas daripada itu pada tempoh yang tidak lebih dari 10 tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir, akan dikeluarkan notis untuk menjalankan pemeriksaan berkala oleh seorang Jurutera bagi pemeriksaan visual dan penyiasatan Struktur.

3. Aspek bangunan dari segi fasad.
 - (i) Bangunan yang mempunyai hakmilik strata
Tanggungjawab pengurusan bangunan adalah di bawah Pihak Pengurusan Bangunan (Management Corporation). Pihak pengurusan bangunan perlu memastikan fasad bangunannya sentiasa disenggara dan berada dalam keadaan bersih dan kelihatan indah. Pesuruhjaya Bangunan (COB) pula akan memantau pelaksanaan

dan mengambil tindakan mengikut Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan)2007 (Akta 663).

(ii) Bangunan persendirian

DBKL telah melaksanakan satu program khas untuk menangani masalah ini, di mana, bangunan-bangunan yang dikenalpasti diberikan notis di bawah Seksyen 75, Akta Kerajaan Tempatan supaya mempertingkatkan keadaan bangunan. Jika pemilik bangunan berkenaan gagal mematuhi arahantersebut, pihak DBKL akan melaksanakan kerja dan kosnya akan dituntut dari pemilik.

Semua program ini dilaksanakan secara berterusan sehingga mencapai sasaran agar bangunan-bangunan di Kuala Lumpur berada di dalam keadaan kemas dan cantik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
KAWASAN : KLANG
TARIKH : 26.06.2008 (KHAMIS)
SOALAN :

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kepentingan Malaysia di perundingan FTA di antara ASEAN-EU. Berapa perundingan (negotiation rounds) telah diadakan dan apakah status perbincangan pada masa kini di antara dua blok ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kesatuan Eropah (EU) merupakan rakan perdagangan tradisional negara-negara anggota ASEAN. EU kini adalah rakan perdagangan yang ketiga terbesar kepada ASEAN selepas Jepun dan Amerika Syarikat. Jumlah perdagangan ASEAN dengan EU adalah sebanyak US\$ 161.5 billion.

2. Perdagangan duahala Malaysia dengan EU pada tahun 2007 adalah berjumlah RM 137.7 billion atau 12.4 peratus jumlah perdagangan Malaysia secara global berbanding dengan RM 129.9 billion pada tahun 2006. Kini, EU merupakan rakan perdagangan ketiga besar Malaysia secara keseluruhan dan juga dari segi eksport dan juga Import.

3. Pada tahun 2007, pelaburan langsung EU yang diluluskan di sektor perkilangan Malaysia adalah RM6.2 billion (US\$ 1.8 billion) dan RM 4.6 billion (US\$1.25 billion) pada tahun 2006.

4. Perbincangan yang dijalankan di peringkat pegawai kini diperingkat awal. Mesyuarat yang diadakan empat kali selama ini, adalah tertumpu kepada pertukaran maklumat antara kedua-dua pihak dan perbincangan tentang pendekatan, modaliti serta pertukaran pandangan terhadap cadangan masing-masing mengenai skop FTA yang dirundingkan kelak.

5. Pembukaan pasaran EU kepada eksport dari ASEAN dan fasilitasi perdagangan yang menangani halangan perdagangan teknikal dan peraturan sanitari dan fitosanitari serta syarat-syarat tempasal yang ketat di beri keutamaan bagi Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

TARIKH : 26 Jun 2008

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bantuan wang tunai dan bukan tunai yang telah diberikan kepada mangsa siklon di Myanmar dan adakah Malaysia kesali dengan sikap kerajaan Myanmar yang menghalang penyampaian bantuan antarabangsa yang diberikan kepada mangsa secara terus.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Kabinet pada 9 Mei 2008 telah bersetuju meluluskan bantuan kewangan sebanyak USD1,000,000.00 dan bantuan barangan yang meliputi ubatan-ubatan, pakaian dan makanan bernilai RM500,952.00 kepada negara Myanmar yang telah dilanda Taufan Nargis pada 2 dan 3 Mei 2008. Berikutan itu, ini adalah tanggungjawab Malaysia terhadap rakan negara anggota.

Bantuan kewangan berjumlah USD1,000,000.00 telah disampaikan oleh Y.B. Menteri Luar semasa Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Luar ASEAN di Singapura pada 19 Mei 2008 yang lalu manakala bantuan barangan telah dihantar ke Myanmar oleh Misi Bantuan Kemanusiaan pada 12 Mei 2008. Penyelarasan bantuan tersebut telah dilaksanakan oleh MKN dengan bantuan Kementerian Luar Negeri, Angkatan Tentera Malaysia dan beberapa agensi kerajaan yang lain.

Menteri-Menteri Luar Asean telah bersetuju semasa persidangan di Singapura pada 20 Mei 2009 supaya negara ahli menerusi bantuan dalam bentuk menghantar pasukan perubatan dan penilaian bagi tujuan menilai Taufan Nargis dan cadangan pemulihan semula. Malaysia akan menghantar pasukan perubatan yang terdiri daripada 25 anggota (10 orang doktor, 10 orang paramedik dan 5 petugas am) bagi melaksanakan misi tersebut bermula pada 25 Jun selama 2 minggu. Kerajaan Myanmar walaupun bersedia menerima bantuan telah

menetapkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh negara-negara yang ingin menghulurkan bantuan dan membantu mangsa-mangsa. Ahli-ahli Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean mendapati tidak terdapat sekatan yang melampau dilaksanakan oleh Kerajaan Myanmar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]**

TARIKH : 26 JUN 2008

RUJUKAN : 1063

SOALAN:

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pelaksanaan baru bagi hukuman-hukuman setimpal untuk pesalah samseng jalan raya dan juga peragut yang menyebabkan kematian dan berapa kes-kes ragut yang berlaku sepanjang tahun 2006-2007.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Kesalahan samseng jalan raya tidak diperuntukkan secara spesifik di dalam Kanun Keseksaan atau Akta Pengangkutan Jalan 1987. Namun begitu, kesalahan yang dilakukan oleh samseng jalan raya akan disiasat di bawah Kanun Keseksaan mengikut jenis dan bentuk kesalahan tersebut. Sebagai contoh, sekiranya seseorang samseng jalan raya mengakibatkan kematian seseorang pengguna jalan raya yang lain, siasatan akan dijalankan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan bunuh.

Manakala bagi peragut pula, siasatan bagi kesalahan ragut dijalankan di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan iaitu di bawah kesalahan mencuri. Walau bagaimanapun, selepas 7 September 2007, kesalahan ragut disiasat di bawah seksyen 392 Kanun

Keseksaan iaitu di bawah kesalahan merompak supaya hukuman yang lebih berat dapat dikenakan ke atas peragut. Namun begitu, bagi peragut yang menyebabkan kecederaan dan kematian pula, mereka akan disiasat di bawah seksyen 324 atau 326 Kanun Keseksaan iaitu di bawah kesalahan menyebabkan kecederaan dan seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu di bawah kesalahan bunuh.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2006, sebanyak 3 kes ragut dilaporkan iaitu 1 kes di Kuala Lumpur, 1 kes di Johor dan 1 kes di Pahang. Manakala pada tahun 2007 pula, sebanyak 5 kes ragut dilaporkan iaitu 3 kes di Johor, 1 kes di Terengganu dan 1 kes di Selangor.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MOHAMED HAYATI OTHMAN
(PENDANG)
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
SOALAN : **DR. MOHAMED HAYATI OTHMAN** minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:

apakah yang Malaysia perolehi selama ini hasil dari penglibatan di dalam CORRA sejak 1996 dalam industri padi dan beras dalam negara kita

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) merupakan wakil Malaysia yang menganggotai CORRA. Antara manfaat yang di peroleh dalam penglibatan negara di dalam CORRA adalah seperti berikut:

- 1) Jaringan antara negara-negara ahli dalam mengatasi isu semasa dalam penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan bidang padi
- 2) Mendapat manfaat dari segi perolehan dan pertambahan germplasm padi. MARDI telah mendapat banyak variety padi untuk dilaksanakan pemilihan bagi tujuan kajian seperti padi aerobic dan variety-varieti yang *resistant* terhadap penyakit.
- 3) Di antara ahli-ahli CORRA ialah:
 - Bangladesh
 - China
 - Cambodia
 - India
 - Indonesia

- Japan
- Rep of Korea
- Lao PDR
- Malaysia
- Myanmar
- Nepal
- Pakistan
- Philippines
- Sri Langka
- Thailand
- Vietnam

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
(LIPIS)**

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan statistik Orang Asli di Negeri Pahang dan jumlah keseluruhan Orang Asli mengikut suku kaum di seluruh negara.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut banci yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 2006, jumlah Orang Asli di Negeri Pahang adalah seramai 50,792 orang.

Jumlah keseluruhan penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia pula adalah seramai 141,230 orang atau bersamaan dengan 27,841 keluarga (KIR).

Penduduk Orang Asli terbahagi kepada 3 kumpulan utama yang terdiri daripada kumpulan Senoi seramai 79,156 orang, Melayu Asli seramai 58,403 orang dan Negrito

seramai 3,671 orang. Kumpulan-kumpulan ini dipecahkan lagi kepada 18 sub etnik seperti berikut:-

KUMPULAN-KUMPULAN UTAMA DAN SUB ETNIK ORANG ASLI

NEGRITO	SENOI	MELAYU ASLI
Kensiu	Temiar	Temuan
Kintak	Semai	Semelai
Lanoh	Semoq beri	Jakun
Jahai	Che Wong	Orang Kanaq
Bateq	Jah hut	Orang Kuala
Mendriq	Mah Meri	Orang seletar

SOALAN NO: 43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26.06.2008

YB Mohamed Azmin bin Ali (Gombak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah membayar sepenuhnya pembayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Selangor sewaktu penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat di bawah perjanjian pada 1 Februari 1974. Berapakah bayaran yang masih tertunggak jika ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan perjanjian pada 1 Februari 1974, pampasan kepada Kerajaan Negeri Selangor telah dijelaskan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : **26 JUN 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi melaksanakan projek pembinaan Jalan Luar Bandar, Bekalan ELektrik Luar Bandar dan Bekalan Air di Daerah Lubok Antu Dalam RMKe-9.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB), sehingga kini Kementerian belum menerima sebarang cadangan pembinaan JALB di daerah Lubok Antu dari Kerajaan Negeri Sarawak. Sehubungan itu, sekiranya ada keperluan maka ia akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan dalam tempoh RMKe-10 memandangkan peruntukan RMKe-9 telah pun komited dengan projek-projek yang diluluskan terdahulu.

Bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian Kemudahan Awam Sarawak telah mengemukakan senarai 29 projek berjumlah RM14.08 juta untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Lubok Antu dalam tempoh RMKe-9.

Pada tahun 2008, KKLW akan melaksanakan 6 projek BELB berjumlah RM2.56 juta yang memberi manfaat kepada 197 buah rumah apabila siap kelak. Kerja-kerja dijangka akan bermula dilaksanakan pada awal bulan Julai 2008. Lain-lain projek yang dirancang akan diteruskan pada tahun 2009 dan 2010.

Bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, KKLW sedang melaksanakan 3 projek BALB sambungan retikulasi berjumlah RM1.83 juta dan dijangka akan disiapkan pada bulan Julai 2008. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2007 KKLW telah siap melaksanakan satu projek BALB sistem alternatif bernilai RM70,000.00 di kawasan Parlimen Lubok Antu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]
TARIKH : 26 JUN 2008
RUJUKAN : 1064

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kawalan, pemantauan atau tindakan yang dilakukan di pintu sempadan utara (Pengkalan Hulu, Gerik) kerana begitu mudah kenderaan-kenderaan daripada negara jiran memasuki negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat bagi kenderaan-kenderaan daripada negara jiran untuk memasuki negara ini. Antara syarat-syaratnya ialah kenderaan tersebut mestilah mempunyai dokumen kenderaan yang lengkap dan telah dialihbahasa ke dalam Bahasa Malaysia; mengambil insuran perlindungan sementara di Malaysia sama ada untuk tempoh 3 bulan, 6 bulan atau setahun; melaporkan kenderaan tersebut kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Pos Kawalan Sempadan; dan kenderaan tersebut hanya boleh memasuki Malaysia sekitar 2 kilometer persegi di Kawasan Bebas Cukai sahaja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN FONG PO KUAN
(BATU GAJAH)**

**TARIKH : 26 JUN 2008
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah maksud sasaran "zero death" PLKN dan nyatakan langkah-langkah yang tidak diambil sebelum ini bagi memastikan tidak berlaku kematian pelatih. Nyatakan ganti rugi yang telah diberi kepada mangsa dan pelatih tercedera.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sasaran '*zero death*' bermaksud satu hasrat untuk mengurangkan kes kematian hingga ke tahap tiada kematian berlaku yang disebabkan oleh faktor kelalaian dalam latihan, kebersihan, keselamatan dan juga keadaan persekitaran di Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Langkah-langkah yang di ambil dalam aspek kesihatan ialah pemeriksaan perubatan ke atas pelatih yang mempunyai masalah kesihatan, pemeriksaan kebersihan ke atas kem oleh Jabatan Kesihatan Daerah, penglibatan Staf Perubatan dari Kementerian Kesihatan dan diganti oleh Anggota Paramedik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta penambahbaikan kemudahan perubatan di kem. Dalam aspek latihan pula semua kemudahan latihan dibuat pemeriksaan oleh Juruperunding Keselamatan serta Jurulatih yang berkelayakan. Latihan dilaksanakan secara sistematik berpandukan kepada program dan dipantau oleh JLKN. Dalam aspek keselamatan pula ianya sentiasa diawasi melalui Sistem Pegawai Bertugas oleh Staf Pengurusan bersama dengan Jurulatih Bertugas. Selain daripada itu, Kem PLKN juga meningkatkan layanan mesra oleh Staf Pengurusan,

SULIT

Jurulatih dan Staf Perubatan dalam memenuhi keperluan pelatih.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, sebanyak RM907,409 telah dibayar sebagai pampasan melalui Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kementerian kepada keluarga pelatih yang meninggal dunia dan tercedera semasa latihan.

SOALAN NO. (47).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan untuk program perumahan kos rendah dan bantuan kelengkapan peralatan untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah disalurkan melalui Kerajaan Negeri Kelantan sejak 1990.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Sejak tahun 1990, sebanyak RM18,101,896 telah diperuntukan kepada Negeri Kelantan di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Manakala RM1,509,328 pula telah diperuntukkan di bawah Program Bersih dan Indah untuk tujuan pembelian peralatan kawalan vektor dan keselamatan makanan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 26 JUN 2008
SOALAN :**

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) jumlah jururawat asing mengikut kerakyatan mereka yang bekerja di negara ini dan di mana mereka bertugas; dan
- (b) jumlah jururawat Malaysia yang bertugas di luar negara dan di negara-negara manakah mereka bertugas.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah jururawat asing yang berkhidmat di negara ini adalah berjumlah 1,079 orang yang datangnya daripada lapan belas buah negara seperti India, Filipina, Myanmar, Indonesia dan lain-lain.

- (b) Jumlah jururawat negara ini yang bertugas di luar negara adalah berjumlah 1,123 orang. Mereka berkhidmat di negara Arab Saudi, Singapura, Australia, United Kingdom dan Brunei Darussalam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI TAJUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : KHAMIS, 26 JUN 2008

RUJUKAN : 07

SOALAN :

Datuk Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]
minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

(a) kedudukan pemilikan hartanah perumahan,
perniagaan dan perindustrian dalam Wilayah
Persekutuan khususnya Kuala Lumpur oleh
individu / syarikat Bumiputera dan asing ; dan

(b) nilai hartanah-hartanah tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Salak, statistik pemilikan hartanah mengikut kategori penggunaan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Jun 2008 adalah seperti berikut:

KATEGORI	PERUMAHAN (Bil. Hak Milik)	PERNIAGAAN (Bil. Hak Milik)	PERINDUSTRIAN (Bil. Hak Milik)
MELAYU	88,209	4,737	53
CINA	181,167	40,634	1,888
INDIA	19,493	2,365	20
LAIN-LAIN / WARGA ASING	17,194	3,179	84
SYARIKAT	35,125	31,877	2,701
AGENSI	141	184	1
JUMLAH	341,329	82,976	4,747

Kedudukan pemilikan hartanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya pula adalah seperti berikut:

KATEGORI	INDIVIDU		SYARIKAT	
	BUMIPUTERA (unit)	BUKAN BUMIPUTERA (unit)	TEMPATAN (unit)	ASING (unit)
PERUMAHAN	3,075	596	115	-
PERNIAGAAN	197	231	543	-
JUMLAH	3,272	827	658	-

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan adalah:

KATEGORI	PERUMAHAN (Bil. Hak Milik)	PERNIAGAAN (Bil. Hak Milik)	PERINDUSTRIAN (Bil. Hak Milik)
BUMIPUTERA	5,115	431	26
BUKAN BUMIPUTERA	4,969	755	255
JUMLAH	10,084	1,186	281

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan kedua mengenai nilai hartanah-hartanah berkenaan, Kementerian ini tidak menyediakan nilai pasaran kerana dikhuatiri akan dijadikan sebagai asas spekulasi urusan niaga hartanah. Walau bagaimanapun, pihak DBKL telah membuat kiraan nilai tahunan yang merupakan asas kepada pengiraan cukai taksiran. Nilai tahunan secara ringkasnya boleh ditafsirkan sebagai anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi dari setahun ke setahun dari sesuatu pegangan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyelenggaraan atau pemuliharaan serta segala kadar dan cukai awam.

Nilai tahunan hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (maklumat pada 1 Januari 2008) adalah seperti berikut:

KAWASAN	BIL. HARTA (unit)	NILAI TAHUNAN (RM)
DALAM KAWASAN 36 BATU PERSEGI	129,193	4,794,187,305.50
LUAR KAWASAN 36 BATU PERSEGI	274,508	2,496,745,222.00
KAWASAN KHAS DAN KAMPUNG	16,731	92,215,611.00
JUMLAH	420,432	7,383,148,138.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menawarkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam kepada semua pelajar cemerlang yang mendapat 10 A1 tanpa mengenakan syarat tertentu, seperti kegiatan kokurikulum, kedudukan keluarga dan prestasi ketika di temu ramah, seperti yang kini diamalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] bersama soalan yang dikemukakan oleh Tuan Er Teck

NO. SOALAN:

Hwa [Bakri] dan Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang Di.Pertua,

Pada tahun 2008, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan 2,000 biasiswa di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) bagi pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM 2007. JPA telah menerima sebanyak 15,220 permohonan bagi program ini dan daripada jumlah itu, seramai 6,100 pemohon telah memperolehi 10 A dan ke atas dalam peperiksaan SPM 2007.

Daripada 2,000 biasiswa yang ditawarkan di bawah PILN 2008, seramai 1,728 orang pelajar yang memperolehi 10 A dan ke atas telah berjaya ditawarkan biasiswa PILN. Berkaitan pelajar yang mendapat 10 1A dalam peperiksaan SPM, JPA memang melaksanakan keputusan Y.A.B. Perdana Menteri seperti yang diumumkan dalam Pembentangan Bajet 2007 supaya semua pelajar yang memperolehi 10 1A dan berada dalam kelompok sosio ekonomi

NO. SOALAN:

keluarga kurang daripada RM 1,500 sebulan ditawarkan biasiswa secara automatik setelah memohon dan menghadiri temuduga. Pada tahun ini, seramai 151 orang pelajar di bawah kategori ini telah ditawarkan biasiswa PILN. Selebihnya sebanyak 4,372 orang pemohon yang memperolehi 10 A dan ke atas ini tidak berjaya ditawarkan atas sebab-sebab berikut:

- (i) tidak mendapat markah penuh untuk kriteria pemilihan yang telah ditetapkan iaitu prestasi akademik (70%), ko-kurikulum (10%), sosio ekonomi (10%) dan prestasi temuduga (10%);
- (ii) bidang pilihan pelajar tidak memenuhi kesesuaian kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan; dan
- (iii) persaingan yang sengit untuk bidang yang dipohon.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai tawaran biasiswa kepada semua pelajar cemerlang yang mendapat 10 A wajar diberi kepada mereka tanpa mengenakan

NO. SOALAN:

syarat tertentu, seperti kegiatan kokurikulum, kedudukan keluarga dan prestasi ketika di temu ramah khasnya bagi Program Ijazah Luar Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyediakan program biasiswa baru yang diperkenalkan pada tahun ini iaitu Program Penajaan Tambahan Pelajar Lulusan SPM 2007.

Program ini diperkenalkan berdasarkan keputusan Kerajaan supaya JPA menaja di dalam negara semua pelajar lulusan SPM 2007 yang memperolehi keputusan 9 A dan ke atas.

Kenyataan rasmi mengenai perkara tersebut telah dikeluarkan melalui kenyataan akhbar Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara pada 2 Mei 2008 yang lalu yang menjelaskan kategori pelajar seperti berikut:

- i. Pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke Tingkatan 6 Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan dan Pusat-Pusat Matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

NO. SOALAN:

Penajaan kepada pelajar-pelajar ini akan diteruskan sehingga ke peringkat ijazah pertama di IPT tempatan;

- ii. Pelajar-pelajar yang mendapat tempat di kampus cawangan universiti luar negara di Malaysia seperti *Monash University, Nottingham University, Curtin University of Technology* dan *Swinburne University*.

Bagi penajaan di atas, pelajar yang memperolehi 9 A dan ke atas layak memohon penajaan tersebut. Permohonan telah dibuka secara *online* pada 1 Jun 2008 sehingga 14 Jun 2008 manakala iklan dalam akhbar-akhbar utama tempatan seperti Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, *New Straits Times* dan *New Sunday Times* telah disiarkan pada 1 & 2 Jun 2008. Bagi Sabah dan Sarawak, iklan disiarkan dalam *Daily Express* pada 4 & 5 Jun dan *Borneo Post* pada 3 & 4 Jun 2008.”

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 26 JUN 2008

RUJUKAN : 1065

SOALAN :

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah mengikut umur, jantina dan jenis jenayah. Apakah analisis pihak polis terhadap angka-angka ini dan apakah kesimpulannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenayah yang membabitkan kanak-kanak dibahagi kepada 2 kategori iaitu kategori Jenayah Kekerasan seperti bunuh, rogol, cabul kehormatan, samun, serta mendatangkan kecederaan; dan Jenayah Harta Benda seperti curi, curi kenderaan dan pecah rumah. Kanak-kanak yang ditangkap juga akan dipecahkan kepada empat pecahan umur iaitu antara 7-10 tahun, 11-12 tahun, 13-15 tahun dan 16-18 tahun. Untuk tempoh dari Januari hingga Mei 2008, sebanyak 2,254 kes yang melibatkan kanak-kanak telah dicatatkan.

Daripada jumlah ini, 805 kes adalah kategori Jenayah Kekerasan yang membabitkan penangkapan 1,369 kanak-kanak lelaki dan 15 kanak-kanak perempuan dan terdiri daripada pecahan umur 7-10 tahun seramai 2 orang; 11-12 tahun seramai 7 orang; 13-15 tahun seramai 308 orang; dan 16-18 tahun seramai 1,067 orang.

Bagi kategori Jenayah Harta Benda pula, sebanyak 1,449 kes telah dicatatkan yang membabitkan penangkapan 1,877 kanak-kanak lelaki dan 50 kanak-kanak perempuan dan terdiri daripada pecahan

umur 7-10 tahun seramai 4 orang; 11-12 tahun seramai 27 orang; 13-15 tahun seramai 528 orang; dan 16-18 tahun seramai 1,368 orang.

Tuag Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik semasa Jenayah Indeks, jumlah peratusan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah lebih kurang 4% dan ia masih lagi terkawal dan belum di tahap yang membimbangkan. Namun begitu ini, peratusan yang kecil ini tidak dijadikan alasan untuk Kerajaan dan polis memandang ringan akan perkara ini. Kerajaan sememangnya memandang serius kes-kes jenayah khususnya yang melibatkan kanak-kanak kerana jika perkara ini tidak dibendung, nescaya Negara akan kehilangan generasi muda yang berwibawa untuk memimpin negara kelak. Kerajaan juga sedar kes-kes sebegini akan menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat sekiranya tidak ditangani dengan segera.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan polis bagi menangani peningkatan kadar jenayah di kalangan kanak-kanak adalah seperti memperluaskan Program Skim Kepolisan Masyarakat seperti 'Rakan Cop' dan Skim Pengawasan Kejiranan seperti Rukun Tetangga yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara pihak polis dan masyarakat; mengadakan operasi bersepadu dengan lain-lain agensi bagi membanteras penjualan VCD lucah yang menjadi faktor peningkatan kes-kes cabul dan rogol;

Pihak PDRM juga telah mengambil langkah untuk menangani jenayah di kalangan kanak-kanak dengan mengadakan operasi besar-besaran untuk membanteras para pelajar yang terlibat dengan jenayah seperti curi motosikal; menyediakan kereta peronda MPV serta anggota tambahan untuk kegunaan rondaan di kawasan tumpuan para pelajar seperti pusat membeli belah dan Kafe Siber; dan memberi kaunseling kepada kanak-kanak dan pelajar-pelajar yang terlibat dengan jenayah supaya tidak mengulangi perbuatan mereka.

Di samping itu, PDRM turut mengadakan program 'turun padang' di sekolah-sekolah dengan mengadakan ceramah dan pameran berkaitan kesedaran mengenai jenayah dan dadah serta menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah dan Pasukan Kadet Polis untuk aktiviti kurikulum di sekolah-sekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)
TARIKH : 26.6. 2008

SOALAN:

Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang sistem pembelajaran di negara ini yang menitikberatkan sistem "exam-oriented" dan bukannya kepakaran serta kemahiran pelajar dalam menyediakan tenaga kerja yang berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berhasrat untuk memperkenalkan sistem pentaksiran yang lebih bersifat holistik iaitu Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Sistem ini diyakini berupaya meningkatkan kualiti murid dari segi binaupaya insan (*human capacity building*) dalam era globalisasi dan juga melahirkan modal insan yang seimbang. Di bawah konsep SPPK tumpuan bukan hanya diberikan kepada kognitif tetapi juga kekuatan dalaman yang boleh memastikan kobolehdidikan (*educability*), kebolehlatihan (*trainability*), kebolehkerjaan (*employability*) dan kebolehpasaran (*marketability*). Sistem pentaksiran holistik ini juga memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang menyeluruh (*all-rounded values*) seperti nilai-nilai kreatif, inovatif, kritis, berdisiplin dan berakhlak mulia dalam kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPPK yang dicadangkan ini akan mengurangkan peperiksaan secara berpusat sebaliknya memperkukuhkan pentaksiran berasaskan sekolah. Dalam sistem pentaksiran baru ini, aktiviti jasmani dan kokurikulum akan ditaksir secara sistematik untuk memberi nilai tambah tentang nilai-nilai semangat berpasukan, bekerjasama dan kepimpinan. Ujian Psikometrik juga dicadangkan untuk dijalankan di pelbagai peringkat termasuk prasekolah bagi tujuan mendapat maklumat tentang kesediaan, bakat, minat kecenderungan, sahsiah dan personaliti, perubahan tingkah laku dan juga kebolehan am murid.

Sehubungan itu, kurikulum latihan guru, pedagogi, buku teks dan sistem persekolahan yang digunapakai sekarang sedang dikaji semula. Sistem tersebut sedang dalam kajian rintis dan dijangka dilaksanakan dalam tahun 2011.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMPUT]**

TARIKH : KHAMIS, 26 JUN 2008

RUJUKAN : 08

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah tender kontrak secara terbuka dijalankan dalam projek "*Supervisory Control & Data Acquisition System/SCADA*", kalau tidak, kenapa?

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, Jabatan Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur diamanahkan untuk mengurus dan menyelenggara lebih daripada 160 blok perumahan awam Projek Perumahan Rakyat(PPR) dan skim Rumah Sewa yang terletak di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Skim perumahan yang dikendalikan menyediakan beberapa kategori perkhidmatan kepada penghuni seperti lif pengguna, bekalan air, bekalan elektrik dan lampu siarkaki serta alat pencegah kebakaran yang perlu dipantau secara berterusan bagi memastikan sistem operasi dapat berfungsi dengan baik dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan penghuni.

Untuk mencapai sasaran pemantauan terhadap perkhidmatan yang disediakan ini supaya lebih cekap, satu sistem Kawalan Penyeliaan dan Pengumpulan Data atau "*Supervisory Control & Data Acquisition System*" (SCADA) telah dilaksanakan. Melalui sistem SCADA ini, pelbagai data dan maklumat operasi peralatan-peralatan mekanikal dan elektrik akan dapat diperolehi daripada setiap blok perumahan untuk dipantau serta boleh dikawal, dianalisa dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Secara amnya sistem SCADA ini mengandungi Sistem Pengurusan Bangunan(BMS) dan sistem pemantauan kamera litar tertutup (CCTV).

Tuan Yang di-Pertua,

Tender kontrak bagi projek "*Supervisory Control & Data Acquisition System*" (SCADA) **dijalankan secara terbuka** oleh DBKL. Sebanyak sebelas (11) kontraktor telah memasuki tender tersebut dan kontraktor Tetuan Turbine Technique (M) Sdn. Bhd. telah berjaya memperolehi kontrak ini yang bernilai RM4,807,776.88 dan tempoh kontrak adalah mulai 15 Mac 2007 hingga 19 Dis 2007 (kontrak dilanjutkan sehingga 18 Mac 2008). Projek SCADA Fasa 1 ini telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi 18 Mac 2008 di lapan (8) buah kawasan perumahan iaitu:

- i. Perumahan Awam Sri Kota
- ii. Perumahan Awam Loke Yew
- iii. Perumahan Awam Jalan Hang Tuah
- iv. Perumahan Awam Seri Tioman 1
- v. PPR Taman Wahyu
- vi. PPR Gombak Setia
- vii. PPR Jelatik
- viii. PPR Desa Tun razak

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga merancang untuk memperluaskan penggunaan sistem SCADA bagi semua kawasan perumahan awam yang masih belum dipasang dengan Kamera Litar Tertutup(CCTV) dalam perancangan projek Fasa 2. Dengan demikian; semua blok perumahan akan dapat dilengkapi dengan sistem SCADA supaya persekitaran kawasan perumahan awam menjadi lebih selamat.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
SOALAN : **TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

Apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan produktiviti padi di kawasan pertanian Kerian – Sungai Manik terutamanya di Blok D tentang infrastrukturnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian Sungai Manik meliputi luas kawasan sebanyak 66,282 hektar yang melibatkan keseluruhan kawasan di Daerah Kerian dan Mukim Sungai Manik – Labu Kubong.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi di kawasan IADA Kerian – Sungai Manik. Langkah-Langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kemudahan infrastruktur ladang melalui projek-projek menaik taraf sistem pengairan sedia ada kepada yang lebih sesuai dengan teknologi terkini.
- (ii) Membina parit dan struktur baru melalui projek 'Drainage Polder' serta jalan-jalan ladang dan kemudahan mekanisasi lain seperti jambatan kecil dan lintasan jentera.
- (iii) Meningkatkan khidmat pengembangan pertanian kepada para petani bagi mempercepatkan pemindahan teknologi penanaman padi dan perubahan sikap melalui aktiviti pembangunan sumber manusia seperti majlis penerangan (*hands-on*), gotong-royong, kursus dan lawatan ke kawasan padi yang lebih maju.
- (iv) Aktiviti berbentuk demonstrasi dilaksanakan seperti demonstrasi pembajaan, kawalan racun rumpai dan perosak bagi menunjukkan kaedah yang betul menjalankan aktiviti tersebut di samping menggalakkan petani menjalankan aktiviti penanaman padi menggunakan amalan pertanian baik.

- (v) Pemberian bantuan subsidi dan insentif sedia ada kepada petani bagi memastikan pengeluaran padi dapat dipertingkatkan.

Kawasan IADA Kerian – Sungai Manik ini juga mempunyai beberapa kompartmen blok A, B, C sehingga kompartmen blok H. Kompartmen A, B, C dan D terletak di kawasan Kerian Laut manakala Kompartmen E, F, G dan H pula terletak di kawasan Kerian Darat. Maklumat terperinci setiap kompartmen adalah seperti berikut:

Kompartmen	Luas (hektar)
A	2,403
B	4,001
C	3,961
D	3,362
E	2,344
F	2,697
G	2,143
H	2,650
Jumlah	23,561

Kompartmen D ini meliputi luas kawasan seluas 3,362 hektar. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan produktiviti padi di kawasan IADA Kerian – Sungai Manik khususnya di kompartmen blok D ialah seperti berikut:

- (i) pembinaan tali air ke-3 menggunakan konkrit;
- (ii) pembinaan parit alternatif;
- (iii) pembinaan baru dan menaik taraf jalan ladang;
- (iv) pembinaan baru dan menaik taraf pintu air; dan
- (v) pembinaan ban *borrow pit* (ban penampungan)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : JAWAB LISAN
- DARIPADA : YB Dr. Mohd Puad Zarkashi (Batu Pahat)
- TARIKH : 26 JUN 2008
- SOALAN : **YB Dr. Mohd Puad Zakashi (Batu Pahat)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Malaysia akan mencari bukti-bukti baru untuk membolehkan semakan kehakiman dibuat selama dalam tempoh 10 tahun selepas keputusan ICJ mengenai Batu Puteh dibuat. Apakah pengajarannya terhadap usaha Malaysia untuk mempertahankan kedaulatannya di Pulau Pisang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Batu Pahat di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

2. Mengenai prosuder semakan semula (*Revision*), sememangnya ia telah diperuntukkan dalam statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sekiranya bukti baru yang penting dapat ditemui dalam tempoh 10 tahun selepas penghakiman ICJ.

3. Dalam hal ini, surat meminta kebenaran daripada Gavernor British kepada Sultan dan Temenggong Johor sebelum pembinaan Rumah Api Horsburgh di atas Batu Puteh masih gagal ditemui dan kita sememangnya tidak akan berputus asa dalam pencarian surat ini. Sehingga ke hari ini, segala usaha telah dilakukan

untuk mengesan surat tersebut tapi menemui kegagalan. Yang berjaya ditemui hanyalah surat jawapan daripada Sultan dan Temenggong bertarikh 25 November 1844 yang tidak secara khusus merujuk kepada Batu Puteh. Sehubungan dengan itu, ICJ tidak dapat merumuskan dalam penghakimannya berhubung peristiwa yang berlaku pada tahun 1844 tersebut sama ada ianya merupakan satu serahan (*cession*) atau kebenaran (*consent*) daripada pemerintah Johor pada ketika itu dan majority para hakim ICJ membuat andaian bahawa surat yang tidak dapat dikesan itu tidak merujuk secara khusus kepada Batu Puteh.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Persoalan berhubung kedaulatan Batu Puteh tiada kaitan dengan Pulau Pisang. Dalam hal ini, Pulau Pisang merupakan sebuah pulau milik Malaysia di Selat Melaka yang terletak di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Pontian, Johor. Saiz pulau ini adalah 1.375 km persegi (340 ekar) dan terletak 7.5 batu nautika dari Pontian, Johor. Kerajaan Johor menerusi Pejabat Tanah Pontian mempunyai bidangkuasa ke atas Pulau Pisang berdasarkan peruntukan Seksyen 15 kanun Tanah Negara 1965, termasuklah berhubung apa jua pembangunan di Pulau tersebut.

5. Berdasarkan perjanjian bertulis (*Indenture*) yang ditandatangani oleh Sultan Ibrahim dan Gabenor Sir Swettenham pada 6 Oktober 1900, rumah api dan kawasan rumah api seluas 2 ekar dan 2 rod di Pulau Pisang diserahkan selama-lamanya kepada Ratu Inggeris atau waris-warisnya. Rumah api tersebut kini dikawalselia oleh *Marine Port Authority (MPA)*, Singapura.

6. Walau bagaimanapun, Sulatan Johor atau warisnya berhak mengambil tanah tersebut sekiranya MPA Singapura itu menggunakan tanah berkenaan untuk tujuan lain. Kerajaan Malaysia juga telah mengenakan peraturan-peraturan dan syarat-syarat kemasukan bagi petugas rumah api MPA tersebut. Dengan demikian, tidak timbul persoalan mengenai tuntutan Singapura ke atas Pulau Pisang seperti Batu Puteh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menimbang pelantikan seorang hakim dalam perkhidmatan menjadi Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia selepas persaraan Tan Sri Ab. Rashid bin Ab. Rahman.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDULA ZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang cadangan mengenai calon-calon untuk menggantikan Tan Sri Abdul Rashid bin Abdul Rahman sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia selepas persaraan beliau. Pengumuman tersebut akan dibuat bila tiba masanya.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN : 5
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAPEE
TARIKH : 26.06.2008

SOALAN :

Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah pengamal ajaran sesat yang telah ditangkap dan didakwa mengikut pecahan negeri sejak tahun 2000 sehingga kini di Malaysia dan sejauh manakah pula pelarasan undang-undang mengenai hal ini di antara satu negeri dengan negeri yang lain dapat dibuat

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pengamal ajaran sesat yang telah ditangkap dan didakwa bagi tahun 2000 hingga tahun 2007 yang diperolehi daripada Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia adalah seramai 202 orang.

Manakala peruntukan mengenai kesalahan berhubung dengan ajaran sesat di bawah Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah adalah selaras di kebanyakan negeri di Malaysia. Di samping itu, bagi tujuan penyelarasan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan jenayah syariah, JAKIM telah berusaha mengadakan beberapa garis panduan untuk digunapakai secara seragam oleh Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie di seluruh Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]
TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) Berapa nilai subsidi yang diberi Kerajaan bagi setiap barangan kawalan untuk pemiawaian harga di seluruh Malaysia; dan
- b) Bagaimanakah keberkesanan subsidi-subsidi di dalam usaha mengawal inflasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan pertama, Kerajaan telah melaksanakan penguatkuasaan kawalan harga ke atas barang keperluan. Walau bagaimanapun, dari sembilan barang kawalan secara pentadbiran, hanya lima barang sahaja yang melibatkan pemberian subsidi oleh Kerajaan iaitu gas petroleum cecair (LPG), petrol, diesel, tepung dan minyak masak. Sebagai contoh, Kerajaan melalui PETRONAS telah memberi subsidi harga gas oleh kepada sektor elektrik dan industri sebanyak RM18 bilion pada tahun 2007.

Kerajaan juga telah membuat penstrukturan semula subsidi produk petroleum yang meningkat kepada lebih RM8.8 bilion pada tahun 2007 supaya dapat memberi lebih tumpuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Selain itu, Kerajaan telah membelanjakan subsidi sebanyak RM20.4 juta sebulan dari bulan Disember 2007 sehingga Februari 2008 untuk mengekalkan harga tepung pada RM1.35 sekilogram. Di samping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak dan membelanjakan kira-kira RM900 juta sebagai subsidi dalam tempoh Jun 2007 hingga sekarang.

Kawalan harga beras dan padi pula dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melibatkan subsidi padi sebanyak RM949 juta pada tahun 2007.

Bagi menjawab soalan kedua pula, pemberian subsidi sangat berkesan dalam membendung inflasi dari terus merebak. Sebagai contoh, mengambilkira harga produk petroleum tidak dinaikkan, kadar kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah 3.0% pada bulan April 2008. Kenaikan harga petrol sebanyak RM2.70 untuk petrol dan RM2.58 untuk diesel dijangka akan mengakibatkan IHP meningkat antara 6.0% hingga 7.0% pada bulan Jun 2008 berbanding dengan 3.8% pada bulan Mei 2008.

Pemberian subsidi di Malaysia juga berupaya mengawal inflasi di paras rendah berbanding negara jiran lain yang mengalami inflasi yang lebih tinggi. Ini adalah kerana negara tersebut tidak melaksanakan pemberian subsidi atau kawalan harga terhadap barangan keperluan. Dasar yang diambil oleh negara tersebut

mengakibatkan berlakunya ketidakstabilan harga barangan dan perkhidmatan yang tidak terkawal apabila berlaku sesuatu kejutan harga atau bekalan yang mempengaruhi kadar inflasi. Langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia berupaya mereda kenaikan harga barangan kawalan, malah mempengaruhi barangan dan perkhidmatan lain dari meningkat terlalu tinggi.

NO. SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Suruhanjaya Siasatan Diraja ke atas masalah pendatang tanpa izin yang berlarutan di Sabah tidak ditubuhkan memandangkan semua usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini telah dibuktikan tidak berkesan dan tidak memuaskan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan menyedari bahawa isu pendatang tanpa izin di Sabah perlu ditangani dengan cepat dan berkesan. Untuk itu, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet, yang akan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, bagi menangani isu ini. Sehubungan dengan keputusan tersebut, maka Kerajaan merasakan tiada keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja pada waktu ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 60

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : L ISAN
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 26.06.2008 (KHAMIS)
SOALAN

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN MINTA MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan jumlah pelaburan modal (total capital investments) yang dikendalikan oleh MIDA dapat memanfaatkan Pulau Pinang yang telah mengalami kemerosotan pelaburan di belakang negeri Kedah dan Selangor sejak 2006.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Dari segi kemasukan pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan, dalam tempoh tahun 2006 sehingga bulan April 2008, negeri Pulau Pinang mencatatkan nilai kelima tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak RM7.5 billion, selepas negeri Sarawak (RM13.3 billion), negeri Johor (RM13.0 billion), negeri Selangor (RM8.1 billion) dan negeri Kedah (RM8.1 billion).

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa memastikan segala dasar pembangunan pelaburan dan perindustrian mendatangkan faedah kepada setiap Negeri, termasuklah Pulau Pinang. Program-program Kerajaan untuk menarik kemasukan pelaburan asing lebih menjurus kepada mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi dan bukan bertumpu kepada mana-mana negeri tertentu. Keputusan pelaburan ke mana-mana negeri pula adalah berdasarkan beberapa faktor. Antara faktor yang mempengaruhi keputusan pelaburan adalah:

- i) Infrastruktur yang sedia ada;
- ii) tenaga pekerja yang mahir;
- iii) Industri-industri sokongan yang wujud; dan
- iv) kualiti kehidupan.

Antara langkah berterusan yang diambil Kerajaan bagi menarik pelaburan asing adalah:

- mengadakan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;
- menggalakkan syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk membesarkan dan mempelbagaikan operasi mereka dengan menawarkan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal;
- memperkenalkan insentif baru dan menambah baik insentif-insentif yang sedia ada dari semasa ke semasa;

- menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP) dan Jawatankuasa Tertinggi Galakan Istimewa (JTGI) bagi menilai, melulus, dan memberi Insentif khas yang lebih menarik bagi pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara;
- menganjurkan pelbagai program penggalakan pelaburan. Ini termasuk misi perdagangan dan pelaburan, atau misi projek spesifik ke negara sumber pelaburan asing dan seminar-seminar domestik, seperti “Seminar Kebangsaan Mengenai Peluang-peluang Dalam Industri Elektronik” di Pulau Pinang pada 3-4 Jun 2008 yang dihadiri oleh seramai 500 orang wakil industri;
- meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan, misalnya melalui inisiatif Pasukan Pemudahcara Pemiagaan atau PEMUDAH; dan
- melancarkan lima Koridor Pembangunan Ekonomi untuk menarik minat pelabur asing. Koridor-koridor pembangunan tersebut telah memperkenalkan pakej-pakej Insentif tambahan, seperti pengecualian cukai korporat, kebenaran mendapatkan sumber modal asing dan kelonggaran syarat pengambilan pekerja mahir asing. Insentif yang diberikan adalah lebih khusus kepada sektor-sektor ekonomi yang strategik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]
TARIKH JAWAPAN : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan objektif penembusan jalur lebar yang termaktub dalam National Broadband Plan dan MyICMS 886.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak Pelan Jalur Lebar Negara (NBP) dan strategi MyICMS 886 diperkenalkan, kadar penembusan jalur lebar di negara ini menunjukkan peningkatan (CAGR) melebihi 120%. Jalur Lebar

Berkelajuan Tinggi juga merupakan antara 8 bidang perkhidmatan di bawah Strategi MyICMS 886 utama yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan.

Bagi mempertingkatkan lagi penembusan jalur lebar di negara ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet pada pertengahan tahun 2007 bagi menggubal Modaliti Pelan Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional yang merangkumi strategi-strategi pelaksanaan bagi kedua-dua aspek penawaran (*supply*) dan permintaan (*demand*) bagi perkhidmatan jalur lebar. Pelan Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional akan meliputi kawasan berimpak ekonomi tinggi di bandar (zon 1), pinggir bandar (zon 2) dan luar bandar (zon 3).

Di samping itu, antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini dalam memenuhi objektif yang telah ditetapkan dalam Pelan Jalur Lebar Negara dan MyICMS 886 adalah :

- i. Pelaksanaan Projek *Klang Valley Broadband Push* (KVBP) bagi mencapai sasaran penembusan jalur lebar sebanyak 90% isi rumah pada tahun 2010 di Lembah Klang;

- ii. Pelaksanaan Projek Perintis Jalur Lebar Pulau Pinang dan Kulim bagi mencapai sasaran penembusan jalur lebar sebanyak 85% isi rumah pada tahun 2009 di Pulau Pinang;
- iii. Selesai membuat pindaan ke atas Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberi Perkhidmatan Sejagat) 2002 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi membolehkan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) digunakan untuk penyediaan infrastruktur jalur lebar di luar bandar;
- iv. Mempelbagaikan teknologi jalur lebar (3G, WiMAX, Fiber) di Malaysia bagi memastikan perluasan perkhidmatan jalur lebar ke semua kawasan sama ada bandar atau luar bandar; dan
- v. Telah menyediakan standard mandatori bagi kualiti perkhidmatan untuk capaian jalur lebar yang perlu dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan Internet bagi menaikkan lagi taraf kualiti perkhidmatan jalur lebar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM
[BAYAN BARU]
TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang masih belum dapat kerja.

JAWAPAN: YB. DATO' MOHD. JOHARI BAHARUM

Tuan Yang Di Pertua,

Pelajar tajaan JPA dalam bidang kritikal (Perubatan/ Farmasi/ Pergigian/ Perubatan Veterinar) **adalah diwajibkan berkhidmat dengan perkhidmatan awam untuk tempoh yang telah dipersetujui dalam perjanjian penajaan sebaik sahaja menamatkan pengajian.** Oleh yang demikian tiada pelajar tajaan yang tidak mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian dalam bidang-bidang tersebut.

Bagi pelajar dalam bidang-bidang lain, selepas menamatkan pengajian mereka perlu melapor diri di JPA dan memohon jawatan

dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Mereka perlu berkhidmat dengan Kerajaan untuk tempoh yang telah ditetapkan seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian. Namun demikian, sekiranya pihak Kerajaan tidak dapat menawarkan pekerjaan selepas tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permohonan jawatan dengan SPA, pelajar boleh memohon untuk dilepaskan daripada ikatan perjanjian dengan Kerajaan.

Dalam tempoh permohonan (12 bulan) tersebut pelajar boleh berkerja di sektor swasta. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak Kerajaan menawarkan jawatan kepada pelajar, maka pelajar perlu berkhidmat dengan sektor awam.

Pelajar-pelajar yang melanggar mana-mana syarat di dalam perjanjian, mereka perlu membayar ganti rugi seperti yang tertera di dalam perjanjian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 26 JUN 2008

RUJUKAN : 1197

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah Permohonan bagi Prosiding Pendamaian, (reconciliation proceedings) di bawah Seksyen 106 Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, (Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976) yang diterima bagi tahun 2004, 2005 dan 2006.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ;

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik mengenai jumlah permohonan bagi Prosiding Pendamaian (*Reconciliation Proceedings*) di bawah Seksyen 106 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) bagi tahun 2004 sebanyak 6,748, tahun 2005 sebanyak 7,286 dan tahun 2006 sebanyak 7,586. Jumlah keseluruhan bagi tiga tahun tersebut sebanyak 21,618 kes.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

TARIKH : **26 JUN 2008**

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah Orang Asli di Malaysia Barat dan jumlah peruntukan untuk JHEOA pada tahun 2007.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah membuat bancian pada tahun 2006 dan jumlah keseluruhan Orang Asli ialah seramai 141,230 orang atau bersamaan dengan 27,841 Ketua Isi Rumah (KIR).

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) Kerajaan telah memperuntukkan siling bajet pembangunan sejumlah RM358.1juta bagi melaksanakan projek/ program pembangunan ke arah meningkatkan pendapatan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Bagi tahun 2007 sebanyak RM146.1 juta telah disediakan meliputi RM51.3 juta peruntukan belanja mengurus dan RM94.5 juta peruntukan pembangunan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM146 juta telah dibelanjakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 26 JUN 2008
RUJUKAN : 1066

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kadar jenayah yang berlaku di setiap negeri pada tahun 2005, 2006 dan 2007. Apa tindakan dan rancangan yang diambil untuk mengatasinya dan bilakah masalah kekurangan tenaga polis di seluruh Malaysia dapat diselesai dan pondok beat atau balai polis komuniti akan dilaksanakan di bandar Muar.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Statistik indeks jenayah mencatatkan sebanyak 157,365 kes pada tahun 2005 di mana negeri Selangor mencatatkan jumlah kes paling banyak iaitu 44,521 kes diikuti dengan negeri Johor sebanyak 23,504 kes dan Kuala Lumpur dengan 19,690 kes.

Tahun 2006 pula mencatatkan sebanyak 186,453 kes iaitu peningkatan sebanyak 29,088 kes atau 18.48%. Negeri Selangor sekali lagi mencatatkan bilangan kes paling banyak iaitu 51,393 kes diikuti dengan negeri Johor dengan bilangan kes sebanyak 26,953 kes dan Kuala Lumpur dengan 23,872 kes.

Indeks jenayah tahun 2007 pula mencatatkan sebanyak 209,559 kes iaitu peningkatan sebanyak 23,106 kes atau 12.39%. Negeri

Selangor mencatatkan jumlah kes paling banyak iaitu 58,592 kes diikuti dengan Kuala Lumpur sebanyak 29,473 kes dan negeri Johor dengan 26,841 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan dan PDRM sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu dan kaedah penyelesaian secara menyeluruh bagi menangani kes-kes jenayah. Antara langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan PDRM bagi mengatasi jenayah adalah dengan mengambil tindakan pencegahan yang berterusan dengan bantuan masyarakat; mempertingkatkan pencarian maklumat risikan; mempertingkatkan mutu penyiasatan; mencegah kemasukan serta menangkap pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berada di negara ini untuk di hantar balik ke negara masing-masing; meningkat kesedaran terhadap masyarakat mengenai tanggungjawab mereka untuk bersama memerangi jenayah dengan memperluaskan Program Skim Kepolisan Masyarakat seperti 'Rakan Cop' dan Skim Pengawasan Kejiranan

seperti Rukun Tetangga yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara pihak polis dan masyarakat.

Di samping itu, Kerajaan dan PDRM telah meluluskan lebih banyak lagi peruntukan untuk menjadikan rumah kedai atau rumah perumahan sebagai balai atau pondok polis sementara dan membina lebih banyak lagi balai dan pondok polis di kawasan yang dikenal pasti kerap berlakunya jenayah. PDRM telah bekerjasama dengan setiap PBT negeri untuk mengkaji kawasan-kawasan yang sesuai dan perlu dipasang CCTV.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan jumlah keanggotaan PDRM dengan meluluskan 60,000 perjawatan polis. Bagi tujuan pengisian perjawatan tersebut, PDRM telah mengambil langkah-langkah dengan mewujudkan pusat-pusat latihan baru dan menawarkan jawatan kontrak kepada anggota dan pegawainya yang bakal bersara untuk menambah kekuatan PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM telah bercadang untuk menubuhkan 3 pondok atau balai polis komuniti di daerah Muar iaitu Balai Polis Sungai Abong, Pondok Polis Jonet dan Pondok Polis Taman Meranti. Ketiga-tiga balai dan pondok polis ini dijangkakan mula beroperasi mulai awal tahun 2009.

LAMPIRAN H

SOALAN 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH [KOTA BHARU]**

TARIKH : 26 JUN 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Apakah tindakan-tindakan yang dirangka oleh Kerajaan dalam meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri demi menarik lebih ramai lagi pelancong melawat Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan sememangnya sentiasa berusaha membangunkan produk-produk pelancongan tempatan yang unik yang terdapat di setiap negeri demi menarik lebih ramai pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak di negara ini.

Antara tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelancongan dalam meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri adalah mengadakan dialog-dialog seperti Majlis Perundingan Pelancongan Kebangsaan (M.P.P.K.) bagi mendapatkan *feedback* daripada setiap pihak berhubung dengan industri pelancongan negara serta bagi membolehkan Kementerian menyampaikan hasrat kerajaan berhubung cadangan program dan projek baru yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Selain itu, Kementerian Pelancongan juga telah mewujudkan Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan (J.K.P.P.) di mana ahli-ahlinya terdiri daripada antaranya, EXCO-EXCO Pelancongan Negeri, UPEN dan MTPN. J.K.P.P. berfungsi sebagai satu ruang perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan EXCO-EXCO Negeri mengenai isu-isu berkaitan pembangunan pelancongan di peringkat negeri.

Di samping itu, Kementerian Pelancongan melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri sedang berusaha untuk mengenal pasti produk-produk pelancongan baru agar ia dapat dipromosikan ke pasaran jarak jauh dan pada masa yang sama dapat memberikan manfaat

kepada masyarakat tempatan dengan cara menambahkan pendapatan isi-rumah.

SOALAN NO: 67

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.06.2008

Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- a. bilangan pengarah yang berkhidmat di syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) mengikut etnik dan jantina; dan
- b. status program transformasi GLCs dari tahun 2006 - 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 12 Jun 2008, daripada 80 Ahli Lembaga Pengarah (ALP) di lapan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terbesar di bawah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

- 61 orang berketurunan Melayu;
- 9 orang berketurunan Cina;
- 4 orang berketurunan India;
- 3 orang lain-lain bangsa; dan
- 3 warga asing.

Daripada jumlah tersebut, seramai 68 orang ALP adalah lelaki dan baki seramai 12 orang adalah perempuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi GLC (GLCT) kini berada dalam Fasa ke-3 pelaksanaannya. Sehingga kini, program GLCT berada dalam peringkat 40% pelaksanaan. Di antara pencapaian utama program GLCT sehingga kini adalah seperti berikut:

- Pendapatan agregat G-20 menokok kepada RM19.1 bilion pada tahun 2007 daripada RM10.0 bilion pada tahun 2004 iaitu peningkatan sebanyak 91%;
- Permodalan pasaran G-20 juga telah meningkat sebanyak 58% atau RM85 bilion dalam tempoh 4 tahun, mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur sebanyak 0.7%;
- G-20 telah mencapai 76% daripada Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah disasarkan; dan

- G-20 telah mencatat agregat Keuntungan Ekonomi sebanyak RM3.9 bilion pada tahun 2007 berbanding agregat Kerugian Ekonomi sebanyak RM1.2 bilion pada tahun 2006.

Dalam Fasa Ke-3 (dari tahun 2007 hingga tahun 2010), pelbagai hasil nyata dijangka diperoleh di antaranya termasuk:

- manfaat yang ketara dan berpanjangan di semua syarikat GLC;
- hasil yang nyata kepada semua pemegang berkepentingan seperti pelanggan, vendor, kakitangan dan lain-lain pemegang berkepentingan;
- pelbagai perubahan besar dan strategik dicapai; dan
- perubahan ketara di peringkat Lembaga Pengarah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**
PERTANYAAN : MULUT
TARIKH : 26.06.2008

Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis-jenis perjudian dan pertaruhan yang menyumbang kepada cukai dan hasil Negara, jumlah cukai yang dikutip bagi tempoh 2003 hingga 2008 dan apakah impak aktiviti perjudian berlesen kepada pembangunan sosio-ekonomi Negara kita.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat lima jenis perjudian yang dilesenkan iaitu pertaruhan nombor ramalan, pertaruhan lumba kuda, kasino, mesin perjudian (*slot machine*) dan loteri awam. Jumlah hasil yang dikutip daripada aktiviti perjudian ini bagi tempoh 2003 hingga 2008 adalah sebanyak RM10.32 billion.

Kerajaan tetap mengamalkan dasar untuk tidak menggalakkan perjudian di negara ini kerana walaupun ia memberi sumbangan hasil kepada pembangunan ekonomi negara, ia turut membawa kesan negatif kepada pembangunan sosial negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 69
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN MOHD NASIR ZAKARIA
TARIKH : 26.6.2008

SOALAN :

Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan apabila Selangor dan Pulau Pinang mengharamkan program berkaitan Islam Hadhari.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Memandangkan program Pendekatan Islam Hadhari adalah program yang murni dan amat membantu dalam usaha untuk memajukan Negara maka Kerajaan berpendirian bahawa program Pendekatan Islam Hadhari akan diteruskan seperti yang telah dirancang. Jika ada agensi – agensi kerajaan negeri tidak dapat bekerjasama maka kita akan meminta kerjasama semua agensi Persekutuan di peringkat negeri untuk membantu menjayakan misi ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]
TARIKH : 26 JUN 2008
SOALAN :

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil kajian '*due diligence*' cadangan penswastaan perkhidmatan patologi di hospital-hospital di bawah kendalian Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu laporan *preliminary* kajian bagi cadangan penswastaan perkhidmatan patologi telah dikemukakan oleh sebuah syarikat swasta kepada Kementerian Kesihatan. Laporan tersebut sedang dinilai dan diteliti secara terperinci oleh pihak Kementerian. Sehingga kini, pihak Kementerian tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan patologi di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan.

SOALAN NO: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]
TARIKH : 26 JUN 2008
RUJUKAN : 1067

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemasukan warga asing dari benua Afrika mengikut negara pada tahun 2005, 2006, 2007 dan eniam bulan pertama tahun 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap warga asing yang memasuki Malaysia akan dikeluarkan dengan Pas Lawatan Sosial di pintu-pintu masuk negara. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, sejumlah **196,669** Pas Lawatan Sosial telah dikeluarkan kepada warganegara daripada benua Afrika bagi tahun 2005 sehingga bulan Mei 2008. Pecahan jumlah tersebut mengikut tahun adalah **53,212 (bagi tahun 2005)**, **68,753 (bagi tahun 2006)**, **41,961 (bagi tahun 2007)**, **32,893 (sehingga bulan Mei 2008)**.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI**
(SILAM)
TARIKH : **26 Jun 2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah profesion perguruan yang semakin dipandang rendah, termasuk gaji dan skim perkhidmatan, menyebabkan golongan muda tidak berminat dengan profesion perguruan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pernyataan bahawa golongan muda tidak berminat dengan profesion perguruan adalah tidak benar. Berdasarkan statistik permohonan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), jumlah permohonan bagi mengikuti kursus-kursus perguruan di institusi pendidikan guru KPM serta IPTA sentiasa meningkat walaupun tempat yang ditawarkan adalah terhad. Sebagai contoh permohonan Kursus Perguruan Lulusan SPM (KPLSPM) 2008 berjumlah 108,394 permohonan berbanding permohonan tahun 2007 sebanyak 88,171 permohonan, sedangkan jumlah tempat yang ditawarkan hanya 4,726 tempat sahaja.

KPM juga sentiasa berusaha untuk memartabatkan profesion keguruan sebagaimana yang termaktub dalam Teras 5 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Antara usaha-usaha yang dijalankan termasuklah

penambahbaikan skim perkhidmatan pendidikan, menambah insentif dan kemudahan yang mana 10 jenis elaun telah diluluskan kerajaan. Dari segi latihan, selain latihan dalam negeri, Kerajaan juga menghantar guru untuk latihan di luar negara terutama guru yang dipertanggungjawabkan untuk Sekolah Kluster, peluang menyambung pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah serta peluang dan ruang kenaikan pangkat yang luas disediakan untuk semua pegawai perkhidmatan pendidikan.

Rjm 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM (MUAR)**
TARIKH : **26.06.2008 (KHAMIS)**
SOALAN : **73**

TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM (MUAR) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah anggaran kerugian subsidi negara kita semenjak 2006 hingga bulan April 2008 akibat aktiviti-aktiviti kesalahan seperti penyeludupan, penyelewengan dan kegiatan salah di sisi undang-undang. Bagaimanakah Kerajaan bercadang membanteras aktiviti-aktiviti ini pada masa yang akan datang

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Adalah dianggarkan sejumlah RM5,552,535.47 kerugian yang ditanggung oleh pihak Kerajaan bagi tahun 2006 sehingga April 2008. Jumlah anggaran kerugian ini adalah kesan daripada berlakunya aktiviti penyeludupan, penyelewengan dan kegiatan salah di sisi undang-undang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, Kerajaan berusaha untuk mengekang aktiviti tersebut agar tidak terus merugikan negara dan memastikan rakyat dapat menikmati sepenuhnya subsidi yang diperuntukkan oleh Kerajaan.

Antara usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membanteras aktiviti-aktiviti tersebut adalah :-

1. Kementerian telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi menangani penyeludupan barang-barang kawalan khususnya minyak masak. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), PDRM (Pasukan Gerakan Am dan Marin), MPOB serta Kastam. Pasukan Petugas akan menjalankan operasi secara bersepadu dan juga secara bersendirian manakala Kementerian berfungsi sebagai urusetia.
2. Kementerian turut menyertai operasi maritim yang diselaraskan oleh Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama-sama agensi penguatkuasaan maritim lain.
3. Menguatkuasakan undang-undang di bawah perintah Kawalan Bekalan (Penandaan Barang Berjadual) 2006. Pemeriksaan dan pemantauan telah dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas Nanatog Kementerian ke kawasan-kawasan perindustrian, pemborong-pemborong, premis-premis perniagaan dan lori tangki.
4. Penempatan pegawai dan anggota penguatkuasa di pintu-pintu keluar dan masuk negara khususnya di kawasan sempadan seperti di negeri Kedah, Perlis dan Kelantan sebagai langkah membendung penyeludupan. Manakala di selatan Semenanjung pegawai penguatkuasa juga membuat pemeriksaan ke atas individu yang keluar, bagi memastikan mereka tidak membawa minyak masak serta barang-barang kawalan lain.
5. Mengadakan larangan berurus niaga minyak masak di dalam kawasan *Free Trade Zone* (FTZ) khususnya di negeri Kelantan di mana daerahnya bersempadan dengan negara Thailand.

Tuan Yang Dipertua,

6. Kementerian juga dalam proses menggubal dan mewartakan Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2008 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk memastikan barang-barang kawalan tidak boleh dibawa ke luar negara.

7. Kementerian turut bercadang untuk memperluaskan pemberian imbuhan saguhati yang ditawarkan kepada orang ramai yang menyalurkan maklumat bagi membanteras penyelewengan, penyeludupan dan penyalahgunaan khususnya ke atas barang-barang yang diberi subsidi. Jumlah saguhati diberi adalah berasaskan kepada kes dengan jumlah sitaan yang besar dan tinggi.

8. Selain daripada itu, Kementerian juga menyediakan beberapa saluran untuk pengguna dan orang ramai membuat aduan atau memberi maklumat berkaitan dengan penyeludupan atau sebarang aktiviti yang tidak sihat melalui talian bebas tol : 1-800-886-800, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) : 32255 dan melalui e-aduan : <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau menghubungi mana-mana Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN**
(JEMPOL)
TARIKH : **26.6.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL) minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah matlamat diwujudkan kelas tingkatan enam; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Pewujudan kelas Tingkatan 6 (dirujuk juga sebagai pendidikan lepas menengah) adalah sebagai memenuhi keperluan sistem pendidikan negara seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Melalui kelas Tingkatan 6 ini murid-murid berpeluang untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi selepas pendidikan menengah. Di samping itu, langkah ini juga turut menjadi salah satu *platform* kepada mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.
- b) Salah satu ukuran kejayaan pelaksanaan Tingkatan 6 diukur berdasarkan bilangan murid yang layak ke Tingkatan 6 Bawah yang menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, pada tahun 2008 seramai 180,630 murid ditawarkan kemasukan ke Tingkatan 6 Bawah

iaitu **peningkatan sebanyak 26,241 orang** berbanding dengan bilangan murid yang ditawarkan ke Tingkatan 6 Bawah pada tahun 2007 iaitu seramai 154,389 seorang. Peningkatan bilangan murid tersebut secara tidak langsung melibatkan penambahan bilangan kelas Tingkatan 6.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : JAWAB LISAN
- DARIPADA : YB Dato' Seri Abdul Hadi Awang (Marang)
- TARIKH : 26 JUN 2008
- SOALAN : **YB Dato' Seri Abdul Hadi Awang (Marang)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah segera yang akan diambil Kerajaan terhadap Batuan Tengah (Middle Rocks) yang diputuskan oleh ICJ sebagai hak Malaysia, adakah Kerajaan berhasrat menambak kawasan berkenaan dengan membina pusat perlindungan untuk nelayan tempatan dan sebuah pos kawalan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Walaupun kita amat kecewa dengan penghakiman ICJ pada 23 Mei 2008 yang menyebelahi Singapura berhubung Batu Puteh, kita bersyukur kerana telah diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sebagai mengekalkan hak milik dan kedaulatan ke atas Batuan Tengah (juga nampaknya Tubir Selatan). Memandangkan kedaulatan Tubir Selatan ditentukan berdasarkan entiti tersebut (*sovereignty in which it is located*), nampaknya ia memihak kepada

Malaysia berasaskan kepada lokasinya di dalam perairan Batuan Tengah yang telah disahkan sebagai hak milik Malaysia.

Ini bermakna Singapura tidak akan dapat lagi menjalankan apa-apa tindakan atau kegiatan sewenang-wenangnya secara unilaterai di kawasan maritim tersebut. Dengan penghakiman ICJ ini, Singapura tiada apa-apa alasan lagi untuk menghalang Malaysia daripada menguatkuasakan apa-apa hak-hak kedaulatannya terhadap Batuan Tengah (juga nampaknya Tubir Selatan), termasuk mendudukinya, menjalankan penyelidikan, kajian cuaca, dan lain-lain lagi. Langkah-langkah yang akan diambil Malaysia ke atas Batuan Tengah sedang dikaji dan diteliti oleh agensi-agensi berkaitan. Sebagai langkah awal, kerajaan telahpun membina monumen stesen titik pangkal di Batuan Tengah tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 26 JUN 2008
SOALAN :

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperbesarkan Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu yang meliputi kedudukan Hospital dua (2) daerah, tiga (3) parlimen dengan jumlah penduduk Kuala Terengganu (426,128) dan Marang (120,265).

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kesihatan telah merancang untuk melaksanakan beberapa projek untuk menambahbaik kemudahan kesihatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Projek berkenaan adalah bagi menaiktaraf Pusat Rawatan Harian (*Ambulatory Care Centre*), pengubahsuaian dan naiktaraf Jabatan Kecemasan, menaiktaraf

Pusat Rawatan Intensif (*Intensive Care Unit*), klinik *anaesthetic* serta meningkatkan mutu perkhidmatan di Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif dan Rawatan Kebakaran.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' ABU BAKAR BIN TALIB [LANGKAWI]
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
SOALAN : **DATO' ABU BAKAR BIN TALIB** minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:

Sejak Rancangan Muda dijalankan oleh MADA dari tahun 1970 hingga sekarang, berapakah keluasan tanah bendang yang dahulunya sawah padi telah bertukar kepada penggunaan lain mengikut negeri dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(1) Jumlah keluasan tanah sawah yang telah ditukar status ke kawasan pembangunan mengikut negeri dalam Kawasan Muda adalah seperti berikut:

i)	Negeri Kedah Darul Aman	-	2,240 hektar
ii)	Negeri Perlis Indera Kayangan	-	<u>760 hektar</u>
	Jumlah	-	<u>3,000 hektar</u>

Keluasan 3,000 hektar ini hanya melibatkan 3% daripada keseluruhan kawasan sawah dalam Kawasan Muda.

(2) Antara tindakan yang telah diambil untuk mengehendkan pertukaran status tanah sawah kepada pembangunan oleh kerajaan semasa adalah dengan merangka dan melaksana "Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan" untuk bandar-bandar. Selain itu, kerajaan juga telah mengezonkan kawasan-kawasan sawah sebagai zon pertanian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO.78

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah semua universiti ternama di negara ini telah memperkayakan R & D dan apakah hasilnya sekarang. Bagaimana pula, Kementerian boleh menanam semangat keusahawanan selari dengan R & D tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sememangnya menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi menjana lebih banyak aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menggalakkan usaha ke arah pengkomersialan hasil R&D. Di antara usaha-usaha yang dijalankan ialah:

- i. Penstrukturan pentadbiran di IPTA dengan mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) di mana peranannya adalah untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti

penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) di IPTA berkenaan;

- ii. Dari segi pelaksanaannya pula, setiap IPTA mempunyai Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang mana tugas utamanya ialah melaksana, menyelaraskan dan memantau aktiviti R&D&C;
- iii. Setiap IPTA juga mempunyai Unit Hubungan Industri yang memainkan peranan menghubungkan antara IPTA dengan pihak industri bagi menggalakkan proses pengkomersialan hasil-hasil R&D;
- iv. Penyelidik di IPTA juga menyertai expo dan pertandingan reka cipta R&D di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mempamerkan hasil-hasil R&D di samping mempromosikan hasil reka cipta inovasi dan produk R&D di IPTA untuk meraih dana, modal dan pasaran luar untuk pembangunan dan pengkomersialan produk baru. Di samping itu, penyertaan ini juga membantu memberi pendedahan kepada penyelidik muda untuk memperkenalkan hasil R&D&C mereka di peringkat antarabangsa;

IPTA juga telah berjaya mengkomersialkan banyak hasil R&D. Sehingga Mac 2008, sebanyak 54 produk R&D telah berjaya dikomersialkan dengan melibatkan jumlah jualan kasar sebanyak RM44.3 juta. Selain itu, IPTA juga telah menubuhkan

syarikat/holdings bagi mempertingkatkan aktiviti pengkomersialan hasil R&D di IPTA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.06.2008

**Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan:**

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan di dalam pembahagian kuota kenderaan automobil jenis PROTON yang dimonopoli oleh pengedar tertentu terutama sekali bagi negeri Sarawak; dan
- (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengagihkan kuota ini secara adil atau sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembahagian kuota kereta PROTON adalah langkah yang diambil oleh syarikat PROTON bagi memenuhi permintaan serta mengikut keadaan pasaran semasa dan bukannya di bawah kuasa mana-mana Kementerian. Pembahagian kuota tersebut ditentukan berdasarkan kepada beberapa kriteria di antaranya seperti berikut:

- i. rekod prestasi jualan termasuk jumlah tempahan yang belum dijelaskan (*outstanding orders*);
- ii. keupayaan kewangan - modal berbayar (*paid-up capital*) dan jumlah hutang tertunggak;
- iii. komitmen pengedar dalam pelaburan perniagaan seperti bilik pameran, pusat servis dan sebagainya; dan
- iv. lokasi dan saiz bandar (bandar kecil akan menerima kuota yang lebih rendah berbanding bandar besar).

2. Di samping itu, syarikat PROTON sentiasa mengemas kini agihan kuota tersebut dari semasa ke semasa, memandangkan ianya ditentukan dengan mengambil kira keupayaan sesebuah syarikat pengedar serta keadaan pasaran semasa.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. NIZAR BIN ZAKARIA
(PARIT)**

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah usaha Kementerian bagi menaik taraf kehidupan masyarakat Orang Asli terutamanya dalam meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup yang lebih sempurna.

JAWAPAN:

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Kerajaan telah memperuntukkan bajet pembangunan sejumlah RM358.1 juta di dalam RMKe9 kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM219.2 juta adalah diperuntukkan bagi program pembasmian kemiskinan. Peruntukan tersebut bertujuan untuk pelaksanaan pelbagai program/ aktiviti pembangunan ke arah meningkatkan pendapatan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli.

Di antara program-program tersebut termasuk projek pembangunan tanah dengan tanaman komersial seperti getah dan kelapa sawit, bantuan peralatan pertanian dan

perikanan, ternakan, bimbingan usahawan dan lain-lain. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan infrastruktur dan utiliti termasuk pembinaan rumah Ketua Masyarakat dan keluarga miskin tegar, jalan raya, jambatan, klinik desa, bekalan air, elektrik dan sebagainya secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, sejumlah 167 buah ladang dengan keluasan 24,104.03 hektar telah berjaya dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit iaitu 117 buah ladang oleh RISDA dan 50 buah ladang lagi oleh FELCRA.

Sejumlah 96 ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi faedah kepada 6,947 peserta masyarakat Orang Asli. Selain menikmati dividen hasil daripada projek ladang tersebut, masyarakat Orang Asli berpeluang bekerja sebagai buruh ladang, mandur atau pengawal keselamatan ladang dengan pendapatan di antara RM400.00 sehingga RM600.00 sebulan, Orang Asli juga turut diberi peluang menjadi kontraktor atau subkontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan ladang, penyelenggaraan dan penuaian hasil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai syarikat-syarikat asing yang telah bergabung/mengambil alih syarikat-syarikat tempatan sama ada milik Kerajaan atau swasta, dalam sektor apa dan berapa peratus penguasaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, sebarang cadangan perolehan ekuiti oleh kepentingan asing, dalam syarikat tempatan yang bernilai RM10 juta atau lebih, perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee-FIC) di bawah Garis Panduan Mengenai Perolehan Kepentingan, Penggabungan dan Pengambilalihan

Oleh Kepentingan Tempatan dan Asing yang dikeluarkan oleh FIC. Sekiranya nilai perolehan adalah kurang daripada RM10 juta, FIC akan melihat kepada peratusan hak mengundi (kawalan) yang akan berpindah kepada pemeroleh yang mana perolehan 15 peratus atau lebih hak mengundi oleh kepentingan asing secara individu atau 30 peratus atau lebih secara berkumpulan, perlu mendapat kelulusan FIC.

Sesebuah syarikat tempatan dianggap dimiliki oleh sesuatu kepentingan asing sekiranya lebih daripada 50 peratus ekuiti syarikat tersebut dipegang oleh kepentingan asing. Berdasarkan rekod FIC, bagi tahun 2006 dan 2007, terdapat sejumlah **185** syarikat tempatan (iaitu 76 syarikat dalam tahun 2006 dan 109 syarikat dalam tahun 2007) yang telah diperolehi oleh kepentingan asing. Daripada jumlah ini, **65 peratus** melibatkan perolehan melebihi 50 peratus manakala bakinya sebanyak **35 peratus** adalah perolehan kurang dari 50 peratus. Dari segi penguasaan sektor pula, adalah didapati syarikat-syarikat di dalam sektor 'perkhidmatan lain' (contohnya syarikat pegangan pelaburan dan syarikat dorman) menguasai lebih daripada 20 peratus pelaburan, ini diikuti dengan syarikat-syarikat di dalam sektor 'pembinaan'. Maklumat lanjut disertakan di Lampiran 1 dan Lampiran 2 untuk rujukan.

SENARAI SYARIKAT ASING YANG MEMPEROLEH SYER
SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN PADA TAHUN 2006

Bil.	Pembeli	Syarikat Sasaran	Aktiviti Syarikat Sasaran	Peratusan (%)
1	Lum Chang Holdings Limited	Venus Capital Corporation Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah	100
2	McDonald's APMEA LLC	Golden Arches Restaurtant Sdn. Bhd.	pemegang pelaburan hartanah dan operasi restoran	25
3	Coda Group Holdings Limited	Coda Business Systems Sdn. Bhd.	penjualan dan penyelenggaraan pakej perisian komputer	100
4	IAG International Pty Ltd	AmAssurance Berhad	menyediakan perkhidmatan insurans	10
5	IAG International Pty Ltd	AmAssurance Berhad	menyediakan perkhidmatan insurans	20
6	Mark Richard Simmons	Events Sales Promotions Sdn. Bhd.	perniagaan eksport dan import pelbagai barangan	80
	Mohamud, Abdi Rahman Yasin	Somatel (Malaysia) Sdn. Bhd.	pelaburan	51
8	Lafarge Malayan Cement Berhad	Jumewah Shipping Sdn.Bhd.	penghantaran simen dan penyewaan kapal	100
9	Singapore Mandarin International Hotels Pte. Ltd.	Meritus Hotels & Resorts Sdn.Bhd.	perundingan dan pengurusan hotel	30
10	Inoueki Co. Ltd.	Inoueki (Malaysia) Sdn. Bhd	perdagangan	21

11	AMC International Alfa Metalcraft Corporation AG	AMC Allied Metalcraft Corporation Sdn. Bhd.	pembuatan stainless steel cookware and water filter	32
12	Nippon Menard Cosmetic Co. Ltd.	Patimas Property Sdn. Bhd.	pelaburan	51
13	Olympia Diary (Singapore) Pte. Ltd.	CW Olympia Sdn. Bhd.	pengeluaran diari dan produk berkaitan	60
14	Mutu Saluran Sdn. Bhd.	Objektif Bersatu Sdn. Bhd.	pelaburan	51
15	Seng Hong Quarry Sdn. Bhd.	Kim Seng Quarry Company (1965) Sdn. Bd.	kuari serta pedagang batu dan granit	40
16	MapletreeLog Malaysia Holdings Pte. Ltd.	Pancuran Baiduri Sdn. Bhd.	hartanah	100
17	Simfoni Tegah Sdn. Bhd.	Desaru Sandy Beach Hotel	dorman	70
18	Simfoni Tegah Sdn. Bhd.	Desaru Golf & Country Resort Berhad	Kelab Golf	70
19	Kadriah International Ltd.	Kadriah II Sdn. Bhd.	perkapalan	100
20	Kadriah International Ltd.	Kadariah III Sdn. Bhd.	perkapalan	100
21	Kadriah International Ltd.	Kadriah IV Sdn. Bhd.	perkapalan	100
22	Kadriah International Ltd.	Kadriah Intergrated Facilities Sdn. Bhd.	perkhidmatan minyak dan gas	100

23	Al Rajhi Banking & Investment Corporation	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (M) Sdn. Bhd.	Perbankan Islam	100
24	Sunway Holdings Incorporated Berhad	Kualiti Klasik Sdn. Bhd.	syarikat dorman	100
25	1. Malakoff Gulf Ltd. 2. Independent Power International Ltd.	Malaysian Shoiba Consortium Sdn. Bhd.	mereka bentuk, membina dan mengendalikan loji janakuasa tenaga	100
26	Materis Corporate Services	Davco Construction Materials (Malaysia) Sdn. Bhd	perkilangan dan pengedaran pelekat genting dan bahan bangunan	100
27	Amcor Fibre Packaging - Asia Pte Ltd	Tien Wah Press Holdings Berhad	pelaburan	24
28	Tasek Corporation Berhad	Hi Tech Concrete Products Sdn. Bhd.	pengilangan	100
29	JT International Berhad	JT International Trading Sdn. Bhd.	pemasaran dan jualan produk	99
30	Health Management International Limited	Premier Health Corporation (M) Sdn. Bhd.	perkhidmatan healthcare	35
31	MapletreeLog Malaysia Holdings Pte. Ltd.	Zentraline Sdn. Bhd.	pegangan hartanah	100
32	Golden Hope Investment (Asia Pacific)	Golden Hope Overseas Sdn. Bhd.	pelaburan	100
33	Brightstar Logistics Pte. Ltd.	Winning Mobile Sdn. Bhd.	pengedaran alatan telekomunikasi	100
34	YCH Distripark Pte. Ltd. Singapore	PDC-YCH Distripark Sdn. Bhd.	penyediaan pergudangan perkapalan dan pengangkutan	49

35	Piexl Media HK Limited	Pixel Media HK Limited	penyediaan penyelesaian media interaktif	25
36	Lee Metal Group Sdn. Bhd.	Steel Park Malaysia Sdn. Bhd.	perniagaan keluli	100
37	Cooper Cameron Malaysia Sdn. Bhd.	PCC Bumi Flow Technologies Sdn. Bhd.	membekal valve dan barangan untuk industri minyak dan gas	100
38	Kommunekemi A/S	Chemcontrol (M) Sdn. Bhd.	menyediakan khidmat penyeliaan teknikal yang khusus terhadap rawatan sisa buangan	100
39	1. Dialog Systems Sdn. Bhd. 2. Johnson Matthey Investment Limited	Tracerco Asia Sdn. Bhd.	dorman	50
40	Texchem Resources Berhad	Texchem Corporation Sdn. Bhd.	pelaburan	10
41	Deutsche Post International B.V	DHL Express (Malaysia) Sdn Bhd (DHL Express)	menjalankan perkhidmatan kurier	30
42	Deutsche Post International BV	DHL Air Freight Forwarder Sdn Bhd	Agen Penghantaran	100
43	Netsell Vision (M) Sdn Bhd (Netsell Vision)	Cynnyx Sdn bhd	pengedaran produk-produk IT dan perkhidmatan logistik	51
44	Compact Metal Industries Limited	Ratus Projek Sdn Bhd	pembangunan hartanah	100
45	Trina Group Limited	Pacific World Destination East Sdn Bhd	mengendalikan agensi pelancongan	30
46	HPL Properties (SEA) Pte Ltd	Palmco Hotels Sdn Bhd	pengendalian operasi hotel	100

47	Inabata Singapore (Pte) Ltd	Inabata (M) Sdn Bhd	mengimport, mengeksport dan menjual bahan tiruan resin yang digunakan dalam pengeluaran lens kamera dan barangan plastik.	40
48	Ahmmmed Abd Bakar	Kencana Office System Sdn Bhd	perniagaan perabot dan peralatan pejabat	50
49	South East Asia Pasific Holdings Ltd	Champion Edge Sdn Bhd	dorman	100
50	Asia-Pacific Strategic Investment Limited	HMS Capital Sdn Bhd	pembangunan bereavement business dan juga perunding pengurusan projek.	100
51	Marcom International Coatings Droup (Pty) Ltd	FMC Manufacturing Sdn Bhd	perkilangan dan perniagaan "wall coatings"	100
52	Fibre Plastic Technologies (Asia) Sdn Bhd	Ecofirst Fibaloy Sdn Bhd	pengilangan dan pemasaran "Composite pellets"	49
53	Siemens Malaysia Sdn Bhd	Meditel Electronics Sdn Bhd	pembekalan, penghantaran, pemasangan dan pemeriksaan peralatan perubatan	100
54	Advanced Medical Technology Pty Ltd	Gribbles Pathology (M) Sdn Bhd	menyediakan perkhidmatan patalogi	43
	IDS Logisttics Services (M) SDn Bhd	Sitt Tatt Logistics Sdn Bhd	penyediaan perkhidmatan logistik, pergudangan, freight forwarding dan customs brokering	100
56	Compact Metal Industries Limited	Ratus Projek Sdn Bhd	Pembangunan hartanah	100
57	Tamco Systems (Singapore) Pte Ltd	Tamco Systems Technology Sdn Bhd	dorman	100

58	Illustrated Magazine Publishing Company Limited	Illustrated Magazine Publishing Sdn Bhd	penerbitan dan pengedaran masajah	99
59	P.T. Indo-Bharat Rayon	Ambrosia Sdn Bhd	pegangan pelaburan dan perniagaan minyak sawit	100
60	IDGDX Holdings Ltd	E-Qirad Holdings Sdn Bhd	pegangan pelaburan	100
61	APM Precision Technologies Sdn Bhd	Advance Precision Machining Pte Ltd	pengilangan dan pengedar acuan	100
62	Kuwait Finance House (M) Bhd	Distinct Energies Sdn Bhd	pegangan pelaburan	20
63	Wilmar International Limited	Wilmar Holdings Sdn Bhd	pegangan pelaburan dengan anak-anak syarikat yang terlibat dalam kilang tapisan minyak sawit, eksport minyak sawit, perdagangan komoditi dan perkhidmatan bio fuel.	100
64	Sadishiv Ltd	Regal Estate Sdn Bhd	pelaburan hartanah	19
65	Willalpha Investment Limited	Tenaga Lestari	syarikat pelaburan	100
66	VKYE Communication PLS	Genme Services Sdn Bhd	perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar	100
67	APL Co. Pte Ltd	APL-NOL (Malaysia) Sdn Bhd	syarikat adalah perkhidmatan agensi perkapalan	40
68	APL Logistics Ltd	APL Logistics Sdn Bhd	dorman	50

69	Kintetsu World Express Inc. Mohd Hisham bin Mohamed	Kintetsu Integrated Air Services Sdn Bhd	penyediaan perkhidmatan international airfreight forwarding.	23
70	Sompo Japan International Inc.	Berjaya General Insurance Berhad	insuran awam	30
71	Daniel Ray Baty	Columbia Pasific Healthcare Sdn Bhd	perkhidmatan pengurusan, pembangunan dan operasi hospital.	16
72	Chin Leong Contruction Systems Pte Ltd	CLP Contruction Systems Sdn Bhd	pengedaran bahan-bahan kimia untuk pembinaan, penyediaan waterproffing dan perkhidmatan floor coating	30
73	Group Carat (Nederland) B.V	Carat Media Services (M) Sdn Bhd	penyediaan perkhidmatan pengiklanan	10
74	Wanchope Ltd	Subang Jaya Hotel Development Sdn Bhd	pemilik hotel	100
75	Endang Darmawan.	Etos Jati Sdn Bhd	pelaburan hartanah	49
76	International Columbia US LLC	Columbia Pacific Healthcare Sdn Bhd	perkhidmatan pengurusan, pembangunan dan operasi hospital.	100

SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN PADA TAHUN 2007

Bil.	Pembeli	Syarikat Sasaran	Aktiviti Syarikat Sasaran	Peratu (%)
1	CONOCO JET (MALAYSIA) SDN BHD	SIME CONOCO ENERGY SDN BHD	Pelaburan	51
2	CSC HOLDINGS LTD	G-PILE SISTEM SDN BHD	Pembinaan	100
3	BEDFORD DEVELOPMENT SDN BHD	SABNA DEVELOPMENT SDN BHD	Pembangunan Hartanah	100
4	QIAN HU CORPORATION LIMITED	KIM KANG AQUACULTURE SDN BHD	Penternakan, Import dan Eksport ikan tropika	65
5	VELOSI INDUSTRIES SDN BHD	PLANT DESIGN ENGINEERS SDN BHD	Perkhidmatan	
6	IJM PROPERTIES SDN. BHD	WORLDWIDE VENTURES SDN BHD	Pembangunan Hartanah dan Pelaburan	30
7	WANG CHING HUA	NEW ZEALAND CAKE HOUSE (KL) SDN BHD	Perniagaan kek dan kuih	30
8	VIRTUALNET SECURESPEED SDN BHD	INTELLIGENT EDGE SOLUTIONS SDN BHD	Perkhidmatan Telekomunikasi	67
9	BMW HOLDING B.V	SIMELEASE (MALAYSIA) SDN BHD	Perkhidmatan pajakan dan sewa beli	100
0	OMYA MALAYSIA SDN BHD	KIT SENG SDN BHD	Kuari	100
1	OMYA MALAYSIA SDN BHD	KZ KALSIUM SDN BHD	Pengeluaran 'limestone powder'	60
2	HEALTH MANAGEMENT INTERNATIONAL LTD	UNIRIO CORPORATION SDN BHD	Pegangan Pelaburan	100

GRAND CENTRAL ENTERPRISES (PENANG) SDN BHD	SHIANKE LEE LA SDN BHD	Perhotelan	100
LAFARGE ROOFING GMBH	LAFARGE ROOFING HOLDINGS SDN BHD	Pengilangan dan bukan pengilangan	100
FIAMM ASIA PACIFIC PTE LTD	FIAMM MALAYSIA SDN BHD	Perdagangan	49
YAMAZEN CORPORATION	YAMAZEN (MALAYSIA) SDN BHD	Perdagangan	49
PACKET ONE SDN BHD	MIB COMM SDN BHD	Pemasaran infrastruktur, peralatan dan perkhidmatan jaringan	55
LOFTY COURT SDN BHD	CONTEMPORARY SELECTION SDN BHD	Pelaburan Hartanah	100
KINGDOM B.V	MAS HOTELS & BOUTIQUES SDN BHD	Perhotelan	100
1.LIM TIONG JIN 2.EASYBUILD LTD	SUPREME TEAM SDN BHD	Pelaburan	100
ING INSURANCE BHD	SURIA KLCC SDN BHD	Pengurusan Perniagaan	5
SIBELCO MALAYSIA SDN BHD	SERA KEKAL SDN BHD	Perlombongan kaolin dan bahan mineral	100
STRO ENTERTAINMENT SDN BHD	FIRDAUS MAJU SDN BHD	Penerbitan dokumentari dan majalah tv	61
SSANGYONG ENGINEERING & CONSTRUCTION CO. LTD	SSANGYONG RESIDENCES (M) SDN BHD	Hartanah	100
TANGGERINE DIGITAL ENTERTAINMENT PRIVATE LTD	SILVER RIDGE-TANGERINE SDN BHD	Pelaburan & Teknologi Maklumat	50
DATO MOHD ZAIN B ABDULLAH	E.A.BUNKERING SERVICES SDN BHD	Perkapalan	40

27	TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD	EPSILON REGISTRATION SERVICES SDN BHD	Perkhidmatan pendaftaran syer	100
28	TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD	CHUA, WOO & COMPANY SDN BHD	Perkhidmatan pendaftaran syer	100
29	PLANT OFFSHORE GROUP LTD	PLANT & OFFSHORE CORPORATION SDN BHD	Pegangan Pelaburan	100
30	ERIC YU SUN	TAO AUTHENTIC ASIAN CUISINE (JURU) SDN BHD	Restoran Makanan	70
31	FULTON SQUARE LTD	FULTON SQUARE SDN BHD	Hartanah	100
32	HSBC (MALAYSIA) TRUSTEE BHD - THE ASHANI TRUST	SIVASH HOLDINGS BHD	Pelaburan	100
33	DKSH HOLDINGS (MALAYSIA) BHD	TEXCHEM CONSUMERS SDN. BHD.	Perkhidmatan pengedaran	100
4	ATM SAIDUL ALAM	THE HUMANITARIAN ENTERPRISE (M) SDN BHD	Perkhidmatan perundingan	15
5	MALAKOFF INTERNATIONAL LTD	MALAKOFF AL-DJAZAIR DESAL SDN BHD	Pegangan Pelaburan	100
6	CELL AQUACULTURE LTD	CELL-AQUA MALAYSIA SDN BHD	Dorman	90
7	IDS GROUP LTD	SEBOR (SARAWAK) SDN BHD	Perdagangan	57
3	MAXIMUM VISTA SDN. BHD	UNITED PLANTATIONS BERHAD	Perladangan dan Pengilangan	2
1	HOERBIGER KT ASIA HOLDING PTE LTD	HOERBIGER KT-MALAYSIA SDN BHD	Perkhidmatan penyelenggaraan alatan berkaitan teknologi pemampatan	100
2	SONY HOLDING (ASIA) B.V	SONY (MALAYSIA) SDN BHD	Perkilangan Elektronik	70

AMATIR RESOURCES LTD	AMATIR RESOURCES SDN BHD	Pembangunan Hartanah	90
S.P.SETIA BHD	KEMBOJA MAHIR SDN BHD	Pelaburan Hartanah	70
AURIC PACIFIC (M) SDN BHD	AURIC PACIFIC FOOD PROSSING SDN BHD	Perkilangan	25
GENTING SANYEN INDUSTRIAL PAPER SDN BHD	GENTING SANYEN UTILITIES & SERVICES SDN BHD	Perniagaan Utiliti	100
GENTING SANYEN INDUSTRIAL PAPER SDN BHD	GS PACKAGING INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Perkhidmatan sumber manusia	100
MSBC (MALAYSIA) TRUSTEE BHD	K.Y.K HOLDINGS SDN BHD	Pelaburan	22
ASIA ROYAL ENTERPRISE LTD	SIMFONI KOSMO SDN BHD	Pengilangan	25
ERICSSON HOLDING INTERNATIONAL B.V	MARCONI ITALIANA ASIA-PACIFIC (MALAYSIA) SDN BHD	Telekomunikasi	75
AVIVA INTERNATIONAL HOLDINGS LTD	COMMERCE TAKAFUL BHD	Insurans	49
AVIVA INTERNATIONAL HOLDINGS LTD	COMMERCE LIFE ASSURANCE BHD	Insurans	49
ARE PTE LTD	OCULUS (M) SDN BHD	Memasarkan Produk Optik	100
AFG GLOBAL SERVICES SDN BHD	HAI SAN CREDIT & LEASING SDN BHD	Perkhidmatan	21
BROSTROM AKTIEBOLOG (PUBL)	TRANSPET SDN BHD	Perkapalan	44
BROSTROM AKTIEBOLOG (PUBL)	SHIPET MARITIME SDN BHD	Perkapalan	44

55	NIPPON YUSEN KABUSHIKI KAISHA	GIGA SHIPPING SDN BHD	Perkapalan	40
56	SHELL OVERSEAS INVESTMENTS BV	CONOCO JET (MALAYSIA) SDN BHD	Pelaburan	100
57	CONOCO JET (MALAYSIA) SDN BHD	PROJET MALAYSIA SDN. BHD.	Pemasaran & pengedaran Domestik produk petroleum	2
58	CONOCO PHILLIPS COMPANY	CONOCOPHILLIPS ENERGY (MALAYSIA) SDN BHD	Pegangan Pelaburan	100
59	MEDIA PRIMA BERHAD	MERIT IDEA SDN BHD	Penyiaran Televisyen	20
60	BK GLOBAL CO LTD	BIOMAC CORPORATION SDN BHD	Bio-Teknologi	40
61	HUFCOR ASIA PACIFIC LTD	HUFCOR MAROSHUMI SDN BHD	Pengilangan	19
62	SJ MANUFACTURING (2003) PTE LTD	SL MANUFACTURING & MARKETING SERV. (M) SDN BHD	Pengilangan	52
63	SJ MANUFACTURING (2003) PTE LTD	ELECTRONICS ENCLOSURES TRADING SDN BHD	Komunikasi	52
64	VICINAY MARINE S.L.	ANCHOR CHAIN SINAR MALAYSIA SDN BHD	Perkilangan	50
65	RETAIL GALAXY PTE LTD	FRONT WINNERS SDN. BHD.	Dorman	100
66	SINOCHEM INTERNATIONAL (OVERSEA) PTE LTD	EUROMA RUBBER INDUSTRIES SDN BHD	Perkilangan	75
67	MCDF INVESTMENT PTE. LTD	PREMA BONANZA SDN BHD	Hartanah	39
68	MCDF INVESTMENT PTE. LTD	QUILL REALTY SDN BHD	Pelaburan Hartanah	40

UNIBOS INVESTMENT PTE LTD	TMCS TRADING (M) SDN BHD	Pelaburan	2
ASIAN PALM OIL CO. SDN BHD	RESOFOCUS CORPORATION SDN BHD	Dorman	100
ASAS STEEL PTE LTD	KIMANN SPECIAL STEEL SDN BHD	Perdagangan	100
ASIAN PALM OIL CO. SDN BHD	ARUS PLANTATION SDN BHD	Dorman	100
TUNE STRATEGIC INVESTMENT LTD	TUNE VENTURES SDN BHD	Pelaburan	5
ELDONSTEAD INVESTMENTS LTD	MERLIN LABUAN SDN BHD	Perhotelan	100
ASTUTE MODERNIZATION SDN BHD	TITAN DEBUT SDN BHD	Pelaburan	100
1. MOHAMAD RADWAN ALAMI 2. MOHYIDDIN AL HALABI	STRAITS BEACH PROPERTIES SDN BHD	Dorman	100
TRIA HOLDINGS PTE LTD	TRACKPLUS SDN BHD	Hartanah	75
ASPHERE HOLDINGS PTE LTD	GEMISURIA CORPORATION SDN BHD	Hartanah	100
O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	GROUP ASSOCIATED (C & L) SDN BHD	Pembuatan Penghawa Dingin	100
O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	ACSON MALAYSIA SALES & SERVICES SDN BHD	Pembuatan Penghawa Dingin	100
O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	YORK (MALAYSIA) SALES & SERVICES SDN BHD	Pembuatan Penghawa Dingin	70
O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	O.Y.L. RESEARCH & DEVELOPMENT CENTRE SDN BHD	Pembuatan Penghawa Dingin	100

83	O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	J & E HALL (MALAYSIA) SDN BHD	Dorman	10
84	O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	MCQUAY (MALAYSIA) SDN BHD	Dorman	10
85	O.Y.L. MANUFACTURING CO. SDN BHD	AMERICAN AIR FILTER S/B	Dorman	7
86	TEXCHEM HOLDINGS SDN BHD	TEXCHEM CORPORATION SDN BHD	Pelaburan	10
87	KISHIMOTO SANGYO (ASIA) PTE LTD	KISHIMOTO SANGYO (M) SDN BHD	Pemborongan minyak sawit	2
88	TUNE HOSPITALITY INVESTMENTS FZ COMPANY	THI SDN BHD	Perhotelan	50
89	SUMISHO LEASE CO LTD	SMBC LEASING (MALAYSIA) SDN BHD	Perkhidmatan	49
90	FREDERIK KAREL ALBERT WULFF	ENGE PLAS SYSTEMS SDN BHD	Perkilangan	50
91	CLASSIC FINE FOODS SDN BHD	SIMPLEX MAJU SDN BHD	Dorman	100
92	ORIX CORPORATION	ORIX LEASING MALAYSIA BHD	Pajakan peralatan	20
93	CLASSIC FINE FOODS SDN BHD	SIMPLEX MAJU SDN BHD	Dorman	100
94	ORIX CORPORATION	ORIX LEASING MALAYSIA BHD	Pajakan peralatan	20
95	LINGCO HOLDINGS PTE. LTD	EAST OCEANIC SHIPYARD SDN BHD	Pembinaan	49
96	VITAL PRISTINE SDN BHD	HOSPITECH MARKETING SDN BHD	Perkhidmatan	60

INTEL INTERNATIONAL	INTEL MALAYSIA SDN BHD	Dorman	100
TROPICAL CASE SDN BHD	TINJAU SEPANG SDN BHD	Pelaburan	100
BUSINESS BOOSTERS INC	RANHILL BHD	Perkhidmatan	12
ISHAR SINGH GILL S/O JIWAN SINGH GILL	CLARIMAX CONSOLIDATED SDN BHD	Dorman	60
POLLARD HOLDINGS LTD PARTNERSHIP	NACA KO SDN BHD	Perniagaan Perjudian	100
TJSB INTERNATIONAL LTD	TJSB GLOBAL SDN BHD	Pelaburan	100
CITC ENTERPRISE SDN BHD	CITC (M) SDN BHD	Perdagangan	100
MEMG INTERNATIONAL	JVMC CORPORATION SDN BHD	Pendidikan	19
BLOOM BILLIONS SDN BHD	INDUSTRONICS BHD	Pemasangan Produk Elektronik Industri	29
TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD	PFA REGISTRATION SERVICES SDN. BHD.	Pendaftaran Saham	100
TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD	PFA TAX SERVICES SDN BHD	Perkhidmatan	100
TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD	PFA MALAYSIA SDN BHD	Perkhidmatan	100
COMPAGNIE GENERALE DE GEOPHYSIQUE	CGGAP SDN BHD	Pemprosesan Data Seismik	70

TABURAN SYARIKAT BERDASARKAN SEKTOR (2006 & 2007)

SEKTOR	Bilangan Syarikat	Peratus (%)
Pertanian & Penternakan	4	2.16
Perlombongan dan Kuari	3	1.62
Pembuatan	18	9.73
Pembinaan	26	14.05
<u>Perkhidmatan</u>		
Elektrik, Gas dan Air	7	3.78
Pengangkutan	16	8.65
Komunikasi	12	6.49
Perdagangan Borong dan Runcit	16	8.65
Hotel dan Restoran	10	5.41
Kewangan	11	5.95
Perkhidmatan Perniagaan	16	8.65
Kesihatan	4	2.16
Pendidikan	1	0.54
Perkhidmatan Lain	41	22.16
JUMLAH	185	100.00

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Muhammad bin Husain
(Pasir Puteh)

TARIKH : 26 Jun 2008 (Khamis)

SOALAN : Y.B. Tuan Muhammad bin Husain (Pasir
Puteh) minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

Luas kawasan tanah sesuai untuk penanaman padi yang terbiar di seluruh negara dan langkah-langkah yang diambil untuk mengaktifkan kembali kawasan sawah berkenaan.

JAWAPAN:

Setakat ini seluas 12,566 hektar tanah sawah terbiar di seluruh negara telah dikenalpasti berpotensi untuk diusahakan dengan tanaman padi. Langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan sawah terbiar ini adalah melalui :-

- i) Pembangunan infrastruktur pengairan dan saluran
- ii) Perataan tanah sawah
- iii) Pemberian input untuk meningkatkan kesuburan tanah dan kawalan makhluk perosak, bantuan pembiayaan pemilikan jentera pertanian sebanyak 50% (*Matching Grant*), bantuan baja subsidi (Baja campuran 250kg/ha, baja urea 100kg/ha), harga minimum terjamin RM750.00 setiap tan hasil padi, subsidi harga padi sebanyak RM248.10 bagi setiap tan hasil, Insentif Pengeluaran Padi (Insentif Pembajakan RM100.00/ha/musim), baja tambahan RM140.00/ha/musim serta Insentif Peningkatan Hasil (Bayaran RM650.00/tan bagi setiap tambahan hasil

minimum 1% atau bayaran minima RM200.00 bagi sawah kurang 2 hektar).

Disamping langkah-langkah diatas, bimbingan dan tunjuk ajar kepada petani dalam aspek pengurusan tanaman padi juga diberikan bertujuan meningkatkan produktiviti.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN
KHALID [PADANG BESAR]**

TARIKH : 26 JUN 08 (KHAMIS)

**SOALAN : DATO' SERI HAJI AZMI BIN
KHALID [PADANG BESAR]
minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan :-**

Berapakah perbelanjaan untuk 'rebranding' Bank Pertanian yang telah diberi nama baru, baru-baru ini dan apakah pendekatan-pendekatan baru bank ini bagi memajukan masyarakat tani khususnya petani-petani luar bandar.

JAWAPAN : Oleh YB. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Bank Pertanian Malaysia Berhad atau nama komersilnya Agrobank telah dikorporatkan pada tarikh 1 April 2008 untuk membolehkan bank memberi khidmat yang lebih efisien dan efektif kepada kumpulan sasar. Bagi tujuan penjenamaan korporat Agrobank, sejumlah RM7.0 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan strategi penjenamaan, menyediakan papan tanda (*signboard*) bagi Ibu pejabat, Cawangan dan Pejabat Negeri di seluruh negara, menjalankan aktiviti promosi dan mengadakan pelancaran.

Tuan Yang Dipertua,

Pendekatan-pendekatan baru yang diambil oleh Agrobank dalam usaha memajukan masyarakat tani khususnya petani-petani luar bandar adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan produk-produk baru iaitu:

- (a) Pinjaman pelajaran bagi membantu anak-anak petani yang berhasrat menyambung pelajaran daripada peringkat pengajian tinggi.
 - (b) Pinjaman berbentuk runcit bagi kemudahan petani memperoleh pinjaman segera dengan cepat dan mudah.
 - (c) Pinjaman membina/membeli rumah dan pinjaman memiliki kereta kepada komuniti pertanian.
 - (d) *Trade financing* dan akaun semasa bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan secara menyeluruh.
- ii. Membuat hebahan melalui media massa tentang penjenamaan semula dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.
 - iii. Mempertingkatkan infrastruktur teknologi maklumat bagi menyokong operasi perbankan yang berkembang serta menaik taraf kemudahan *website* bagi memudahkan orang ramai/pelanggan mendapat akses.

- iv. Mempertingkatkan proses dan prosedur operasi, termasuk amalan pengurusan risiko bersistematik serta kawalan dalaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]

TARIKH : 26 JUN ~~R008~~ 2008

SOALAN:

Tuan Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Pelan Integriti Nasional (PIN) mencapai hasrat penggubalannya memandangkan masih berleluasanya masalah rasuah penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan ketidakcekapan dalam sesetengah agensi Kerajaan.

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan pada 23 April 2004 merupakan satu perancangan menyeluruh yang dibentuk dengan memberi fokus kepada matlamat pemantapan etika dan integriti serta membudayakan integriti di kalangan semua anggota masyarakat.

Semua pihak iaitu Kerajaan, swasta, parti politik, institusi agama, kesatuan sekerja, NGO, wanita, media, belia, pelajar dan golongan lain dalam masyarakat dari setiap pelosok negara, secara keseluruhannya didedahkan dengan kefahaman dan komitmen mereka terhadap integriti.

Institut Integriti Malaysia (IIM) selaku agensi pelaksana dan pemantau PIN begitu komited menjalankan pelbagai program dan aktiviti yang dicadangkan dalam Strategi dan Pelan Tindakan PIN. Pelaksanaan, pemantauan dan penilaian ke atas keberkesanan pelbagai program dan aktiviti itu menjadi pemangkin kepada gerakan pemantapan integriti melalui kepimpinan berteladan; dasar yang utuh dan matlamat yang jelas; pendidikan berterusan dan berulang; komunikasi berkesan; persekitaran budaya yang kondusif; kerjasama jentera politik dan pentadbiran; kerangka perundangan berkesan dan kehakiman bebas;

SULIT

kecukupan dan kecekapan sumber; dan kesediaan individu untuk berubah.

Konvensyen Integriti Nasional di Putrajaya pada 6 September 2007 telah menghasilkan 21 resolusi. Realisasi pembentukan suruhanjaya bebas bagi Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang telah diumumkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 21 April 2008, sempena *ASEAN Integrity Dialogue 2008* telah memberikan impak yang positif ke atas penggubalan PIN.

Pembentukan suruhanjaya bebas bagi BPR ini dilihat sebagai pemangkin kepada usaha mengekang berleluasanya gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berterusan yang secara tidak langsung akan meningkatkan kecekapan dalam sesetengah agensi Kerajaan.

Namun harus diingat bahawa usaha memantapkan integriti ini bukanlah boleh berlaku dalam sekelip mata, tetapi mengambil masa yang panjang, dengan mengambil kira kehendak setiap rakyat negara ini untuk berubah menjadi lebih baik berintegriti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah jenis projek, anggaran kos dan di mana ianya telah dilaksanakan bagi maksud Koridor Pembangunan Sabah (SDC) sejak ianya dilancarkan; dan
- (b) apakah, di mana dan berapakah kos projek-projek yang akan dilaksanakan (SDC) dalam tempoh dua tahun yang akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, bagi maksud Koridor Pembangunan Sabah (SDC), Pelan Induk Koridor Sabah telah mencadangkan projek-projek untuk dilaksanakan dalam enam sektor utama yang telah dikenal pasti untuk dimajukan di bawah SDC iaitu pertanian; pembuatan; perkhidmatan pelancongan

dan logistik; pembangunan sumber manusia; pembangunan sosial; dan alam sekitar. Projek-projek ini akan dilaksanakan di seluruh negeri Sabah memandangkan Koridor Sabah adalah meliputi keseluruhan negeri. Anggaran kos yang disasarkan untuk membangunkan SDC sehingga tahun 2025 ialah sebanyak RM112 bilion. Setakat ini, memandangkan ianya baharu dilancarkan pada Februari 2008 lalu maka sebahagian besar projek masih dalam peringkat perancangan dan ianya akan dimulakan pelaksanaannya apabila peruntukan baginya diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 (KSP RMKe-9).

- (b) Berdasarkan kepada cadangan program dan projek pelaburan yang telah ditandatangani semasa pelancaran SDC, antara projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9, adalah seperti perumahan, hotel, *waterfront city*, pelabuhan, pelancongan, *biofuel* dan terminal kereta api. Anggaran kos yang terlibat bagi melaksanakan projek-projek ini adalah lebih kurang RM16 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan sebenar Kerajaan Persekutuan yang akan diagihkan belum dapat dipastikan lagi memandangkan peruntukan bagi Kajian Separuh Penggal RMKe-9 hanya akan dimuktamadkan apabila ianya telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Ianya akan bergantung kepada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan yang akan diluluskan kelak.

SULIT

NO SOALAN: 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALEHUDDIN BIN AYUB
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN :

Tuan Salehuddin bin Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan kewujudan Suruhanjaya Anti rasuah Malaysia yang menurut YAB Perdana menteri sendiri meliputi penambahan jumlah anggota dan pegawai penguat kuasa anti-rasuah daripada 2,000 orang sekarang kepada 5,000 dalam tempoh lima tahun dan memperkenalkan undang-undang melindungi pemberi maklumat dan saksi dan menambah baik sistem pemerolehan awam.

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, usaha untuk mewujudkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sedang giat dilaksanakan. Butir-butir mengenai penstrukturan semula dan penubuhan Suruhanjaya tersebut, termasuk isu perjawatan dan sistem saraan perkhidmatan yang lebih baik, sedang dipertimbangkan dan akan dibentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat ini. Setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri, dijangka bahawa cadangan penubuhan Suruhanjaya tersebut akan dibentangkan di Mesyuarat Ketiga, Penggal Parlimen pada tahun ini.

Kerajaan, melalui Peguam Negara, juga sedang dalam usaha untuk meneliti semua undang-undang yang ada hubung kait dengan aspek pemberian perlindungan kepada si pemberi maklumat dan saksi supaya ia dapat diselaraskan serta dipertingkatkan bagi memastikan perlindungan yang wajar diberikan kepada mereka yang layak.

Bagi menambah baik sistem pemerolehan awam negara, Kerajaan, melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), sedang dalam usaha untuk membangunkan satu rangka kerja (framework) untuk menambahbaik dan mengurangkan ketirisan dalam sistem pemerolehan awam, yakni dengan meningkatkan ketelusan dari segi proses dan menggalakkan proses tender terbuka, tanpa mengetepikan agenda pengagihan dan penstrukturan semula masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO.87

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan menurut laporan "Times Higher Education Supplement (THES) Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking" pada tahun lepas, tiada satu pun universiti-universiti di Malaysia mendapat tempat di dalam senarai nombor 200 teratas. Memandangkan taraf universiti di Malaysia tidak begitu memberansangkan, berapa ramaikah pensyarah-pensyarah dan Naib Canselor telah diberhentikan perkhidmatan mereka kerana "non-performance".

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem ranking universiti dunia yang wujud pada masa ini, di antaranya ialah, dengan izin, *The Times Higher Education Supplement (THES)*, *Academic Rankings Of World Universities*, *Shanghai Jiao Tong University Ranking* dan *Webomatic Ranking*. Kriteria penilaian bagi

setiap ranking adalah berbeza berdasarkan objektif masing-masing. Di antara kriteria penilaian THES, termasuklah peratus staf akademik antarabangsa (*international faculty*) dan ratio pelajar antarabangsa (*international student ratio*) bagi sesebuah IPT yang dinilai.

Perlu ditegaskan bahawa adalah menjadi keutamaan IPT tempatan untuk mengutamakan kehendak negara berbanding memenuhi kriteria global yang digunakan oleh agensi ranking luar negara. Justeru, Kementerian telah menjalankan penarafan ke atas IPTA berdasarkan domain dan indicator yang bersesuaian dan ditanda aras dengan rakan universiti antarabangsa. Kementerian juga melaksanakan *benchmarking* dengan universiti terkemuka luar negara seperti Universiti of Melbourne, Australia dan National University of Singapore untuk mengenal pasti amalan baik di universiti berkenaan.

Pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh Kementerian bagi memastikan aspirasi negara untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa akan tercapai. Selaras dengan matlamat ini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada Ogos 2007 dan Tranformasi Kementerian Pengajian Tinggi pada Jun 2008. Transformasi KPT adalah bertujuan untuk memperkukuhkan sistem penyampaian KPT sebagaimana digariskan dalam teras ketujuh PSPTN.

Kementerian mengambil berat pencapaian universiti tempatan di dalam ranking dunia dan sentiasa berusaha memperkasakan IPT tempatan agar setanding dengan universiti antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. Karpal Singh (Bukit Gelugor)

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN : **YB. Karpal Singh (Bukit Gelugor)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah yuran guaman yang dibayar kepada kaunsel yang mewakili Kerajaan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung dengan pertikaian bagi Batu Puteh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai panel penasihat perundangan antarabangsa yang membantu Malaysia untuk mempertahankan kes kedaulatan ke atas Batu Puteh di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), adalah merupakan pasukan yang hampir sama dengan mereka yang telah berjaya membantu negara mengekalkan kedaulatan terhadap Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di Mahkamah yang sama. Tiga daripada panel penasihat undang-undang antarabangsa ini jugalah yang telah membantu negara memenangi kes kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di ICJ pada 17 Disember 2002. Mereka yang dimaksudkan adalah Professor Sir Datuk Elihu Lauterpacht dan Professor Datuk James Crawford yang merupakan pakar undang-undang antarabangsa terkemuka *Cambridge University* dan Professor Datuk Nicholaas Jan Schrijver dari *Leiden University*. Dua orang pakar lagi yang dilantik untuk kes Batu Puteh ini adalah Professor Marcelo G. Kohen dari *Graduate Institute of*

International and Development Studies, Geneva dan Cik Penelope Nevill dari *Cambridge University*.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pakar perundangan antarabangsa ini dilantik untuk membantu negara dengan segala kepakaran mereka dalam menyediakan kes Malaysia di ICJ serta memberikan nasihat perundangan dan juga bimbingan dalam kerja-kerja penyelidikan berhubung kes ini. Mereka dibayar dengan bayaran yang setimpal dengan kepakaran mereka menurut amalan biasa mana-mana negara yang melantik pakar-pakar perundangan antarabangsa sebegini dan tiada bayaran tetap (*retainer fee*) yang dikenakan setiap bulan. Purata jumlah bayaran yang telah dibayar kepada seorang pakar perundangan antarabangsa bagi tempoh setahun adalah RM233,041. Dalam hal ini, apa yang lebih penting adalah kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh panel penasihat antarabangsa ini dalam mempertahankan kes Malaysia di ICJ.

Namun perlulah ditekankan bahawa, semasa perbicaraan kes ini yang telah berlangsung dari 6 hingga 23 November 2007 yang lalu, pasukan Malaysia diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Abdul Kadir Mohamad sebagai agen Malaysia untuk kes ini ke ICJ merangkap Penasihat Hal Ehwal Luar Negeri kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Y.Bhg. Dato' Noor Farida Ariffin, Agen Bersama dan disertai oleh Peguam Negara dan panel penasihat undang-undang antarabangsa serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Arkib Negara, Jabatan Laut, Pusat Hidrografi Nasional dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi bersama-sama mempertahankan hak dan kedaulatan negara sepanjang perbicaraan kes tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 26 JUN 2008

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Audit Negara berhasrat menyiasat tentang pelaburan Kerajaan Negeri Sarawak dalam 1 st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. Yang telah mengakibatkan kerugian berbilion-bilion Ringgit Malaysia.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Anak Syarikat ini tertakluk kepada Audit Negara oleh Ketua Audit Negara kerana tidak tersenarai dalam PU-29/01/2004. Ia boleh diaudit sekiranya mendapat UP daripada Yang Di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]
TARIKH : 26 JUN 2008
RUJUKAN : 1068

Soalan:

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pusat latihan dan pelatih rekrut polis di negara ini. Apakah bilangan rekrut, anggota dan pesara setiap tahun sampai tahun 2012.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Kepong yang mengemukakan pertanyaan.

Pada masa ini, jumlah Pusat Latihan Polis di seluruh negara adalah sebanyak 5 buah manakala jumlah pelatih pada tahun ini adalah seramai 5,160 orang. Berdasarkan kepada perancangan Kerajaan, sebanyak 5 buah pusat latihan lagi akan dibina menjelang tahun 2012.

Statistik pengambilan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa pada tahun 2007, seramai 5,092 orang rekrut telah dilantik. Bermula daripada tahun 2008 hingga 2012, PDRM merancang untuk mengambil rekrut baru seramai 10,000 orang setiap tahun tertakluk kepada kapasiti pusat .

Statistik persaraan pegawai dan anggota polis pula menunjukkan bahawa jumlah yang bersara pada tahun 2007 adalah seramai 1,328 orang. Pada tahun 2008, jumlah yang bersara adalah seramai 1,256 orang. Seterusnya, jumlah yang akan bersara pada tahun 2009 adalah seramai 1,508 orang dan diikuti seramai 1,895 orang pada tahun 2010. Bagi tahun 2011 pula, jumlah yang akan bersara adalah seramai 2,472 orang dan diikuti seramai 3,087 orang pada tahun 2012.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.6.2008

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan terkini dan kos pembinaan tiga pesawat ARV Eagle yang dibangunkan oleh CTRM dan digunakan oleh TUDM. Adakah projek ini terbengkalai dan jika ya, berapakah kerugian yang dialami.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos pembinaan bagi ketiga-tiga pesawat ARV Eagle adalah sebanyak RM47.6 juta termasuk kerja-kerja pembuatan badan dan pembekalan pesawat yang merangkumi kerja-kerja integrasi sistem pesawat yang melibatkan peralatan kawalan tanpa juruterbang, stesen kawalan darat (*Ground Control Station*), stesen penerimaan terasing (*Remote Receiving Station*), video kamera serta pentauliahan pesawat bagi keupayaan sistem pengawasan udara tanpa juruterbang. Pesawat Eagle ARV ini merupakan produk *prototype* oleh CTRM yang dibuat khusus bagi

tujuan kajian dan pembangunan (R&D) serta telah diserahkan kepada Kerajaan secara berperingkat mulai Ogos 2001 sehingga Julai 2002.

Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan dalam menerokai bidang pembuatan dan pembangunan pesawat ARV.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO.92

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada kajian telah dilakukan berkaitan kesan pelaksanaan skim rawatan swasta di hospital-hospital universiti terhadap prestasi pengajaran dan klinikal pakar-pakar yang mengambil bahagian dalam skim tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan skim rawatan swasta bertujuan memberi peluang kepada pakar-pakar klinikal dari kalangan pensyarah didedahkan kepada industri perubatan swasta dan juga berupaya meningkatkan pendapatan mereka ketahap lebih setimpal dengan kepakaran yang dimiliki. Pendekatan ini juga bertujuan mengurangkan perletakkan jawatan oleh pensyarah-pensyarah perubatan untuk menyertai sektor perubatan swasta.

Pihak Kementerian melalui Dekan dan Pengarah Pusat Perubatan Universiti sentiasa memantau dan menilai prestasi pengajaran dan klinikal pakar-pakar yang mengambil bahagian dalam skim berkenaan.

Kajian menunjukkan bahawa tugas pengajaran dan juga khidmat klinikal di hospital untuk pesakit awam oleh pakar-pakar berkenaan tidak terjejas. Ini berikutan syarat penyertaan yang ketat iaitu hanya dibuka kepada pensyarah kanan berprestasi tinggi serta sudah empat tahun atau lebih dilantik sebagai pensyarah. Pensyarah yang ingin menyertai khidmat klinikal perlu mendapatkan kelulusan dari Dekan dan Pengarah bagi memastikan prestasi pengajaran tidak terjejas. Penglibatan mereka dihadkan kepada dua sesi klinik seminggu dan hanya dibenar melakukan pembedahan elektif ke atas pesakit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]
TARIKH. : 26 JUN 2008
SOALAN :

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah satu penilaian gred diadakan untuk kawalan lingkungan batas bayaran perubatan hospital swasta bagi menjamin kualiti industri perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk mengadakan satu sistem penilaian gred untuk mengawal lingkungan batas bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta. Ini kerana bayaran perubatan hospital swasta yang boleh dikenakan ke atas pesakit di hospital swasta adalah dikawal di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) yang sedang dikuatkuasakan pada masa ini.

Akta 586 ini memperuntukkan suatu mekanisme pengawalan di mana bayaran fi perundingan dan tatacara (fi profesional) yang boleh dikenakan oleh hospital swasta ke atas pesakit telah dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas yang disediakan melalui Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain) 2006. Jadual tersebut telah menetapkan tahap maksimum atau siling bagi sesuatu fi yang boleh dikenakan. Ini bermakna bahawa kadar yang dikenakan terhadap pesakit tidak boleh melampaui kadar yang ditetapkan.

Bagi menjamin kualiti perkhidmatan perubatan yang diberikan dalam industri perubatan swasta, hospital-hospital swasta perlu dilesenkan di bawah Akta 586 di mana pengawalan yang dijalankan meliputi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan perubatan yang disediakan, aspek kawalan jangkitan, pengamal perubatan yang berdaftar dan berkelayakan, anggota-anggota profesional jagaan kesihatan lain, penjagaan hak-hak pesakit dan lain-lain.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 26 Jun 2008 (Khamis)

**SOALAN : Oleh DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR) minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan jumlah tangkapan ikan laut di
setiap negeri dalam tempoh masa 5 tahun
dan nilai subsidi diesel yang dibelanjakan
mengikut negeri-negeri berkenaan.**

**Jawapan : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, hasil pendaratan ikan bagi tempoh 5 tahun sejak tahun 2003 sehingga 2007 di kawasan pendaratan ikan didapati telah menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2003, jumlah tangkapan ikan adalah sebanyak 1,283,255 tan metrik dan meningkat kepada 1,331,647 metrik tan pada 2004 tetapi mengalami sedikit penurunan pada tahun 2005 iaitu kepada 1,209,604 metrik tan sahaja. Walau bagaimanapun ia mengalami peningkatan semula pada tahun 2006 iaitu meningkat kepada 1,379,771 metrik tan dan seterusnya mencatat pendaratan sebanyak 1,421,702 metrik tan pada tahun 2007.

Kawasan pendaratan perikanan negara dibahagikan kepada 3 kawasan iaitu Kawasan Pantai Barat, Pantai Timur dan Sarawak-Sabah-Labuan. Jumlah pendaratan mengikut kawasan pendaratan adalah seperti berikut:

Tahun	2002	2003	2004	2005	2006	2007*
Kawasan	Tan Metrik	Tan Metrik	Tan Metrik	Tan Metrik	Tan Metrik	Tan Metrik
Pantai Barat	517,947	544,405	593,476	525,907	640,043	739,651
Pantai Timur	399,548	375,949	355,628	318,644	386,263	335,291
Sarawak, Sabah & Labuan	354,585	362,901	382,543	365,053	353,465	346,760
Jumlah	1,272,080	1,283,255	1,331,647	1,209,604	1,379,771	1,421,702

(* maklumat awalan)

Pendaratan bagi hasil laut yang ditangkap adalah berdasarkan kepada kawasan atau lokasi pendaratan perikanan yang telah dinyatakan dalam lesen bagi memudahkan perolehan data maklumat

tangkapan bulanan dan tahunan.

Manakala bagi Skim Subsidi Diesel Nelayan pula, skim ini dimulakan pada 1 Januari 2006. Kuantiti diesel bersubsidi yang disalurkan kepada nelayan pada tahun 2006 dalam sebanyak 989,727,418 liter manakala tahun 2007 adalah sebanyak 1,099,000,723 liter. Pecahan kuantiti diesel bersubsidi yang disalurkan kepada nelayan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Jualan Minyak Diesel Bersubsidi 2006

Negeri	Jumlah (liter)
Perlis	45,830,810.00
Kedah	64,491,160.00
Pulau Pinang	16,644,780.00
Perak	264,618,380.00
Selangor	106,067,528.00
N.Sembilan	185,640.00
Melaka	488,670.00
Johor	57,521,130.00
Pahang	107,324,490.00
Terengganu	30,065,490.00
Kelantan	52,657,320.00
Sarawak	112,453,800.00
Sabah	118,851,854.00
W.P. Labuan	12,526,366.00
Jumlah Keseluruhan	989,727,418.00

Jualan Minyak Diesel Bersubsidi 2007

Negeri	Jumlah (liter)
Perlis	52,122,570.00
Kedah	68,365,710.00
Pulau Pinang	14,959,830.00
Perak	263,264,609.00
Selangor	102,235,560.00
N.Sembilan	185,640.00
Melaka	502,320.00
Johor	57,205,410.00
Pahang	115,910,760.00
Terengganu	35,816,010.00
Kelantan	57,059,280.00
Sarawak	154,823,000.00
Sabah	165,181,558.00
W.P. Labuan	11,368,466.00
Jumlah Keseluruhan	1,099,000,723.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)

TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah jenis bantuan yang telah dan akan diberikan oleh Kementerian bagi memastikan bahawa golongan orang kurang upaya, miskin dan miskin tegar dapat menangani kenaikan kos harian hidup.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap nasib golongan miskin yang memerlukan bantuan dan perhatian daripada Kerajaan terutamanya ketika negara sedang mengalami kenaikan kos hidup yang agak membebankan. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan beberapa skim bantuan yang bersesuaian kepada kumpulan sasar bagi membantu meringankan beban mereka buat sementara waktu sehingga tempoh mereka dapat dipulihkan untuk hidup berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan.

Bagi membantu golongan keluarga miskin menangani beban kenaikan kos harian hidup, Skim Bantuan Am (BA) telah disediakan dengan kadar RM80 sehingga maksimum RM450 sebulan sekeluarga mengikut negeri. Bagi keluarga miskin yang mempunyai anak-anak pula, Skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dengan kadar

RM100 hingga maksimum RM450 sebulan sekeluarga dipertimbangkan kepada keluarga yang layak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui JKM menyediakan Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM300 seorang sebulan sebagai galakan kepada OKU untuk bekerja dan seterusnya berdikari tanpa perlu bergantung hidup kepada orang lain. Kadar pendapatan kelayakan bantuan EPC telah juga dinaikkan daripada RM750 sebulan kepada RM1200 sebulan berkuatkuasa mulai bulan Jun 2008.

Bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga yang mempunyai ahli di kalangan OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar pula, Kementerian telah menyediakan Skim Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar dengan kadar RM300 seorang sebulan.

Bagi memastikan kebajikan Warga Emas terjamin dan mendapat pembelaan sewajarnya dari Kerajaan, Kementerian telah

menyediakan Skim Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM300 seorang sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPWKM dengan kelulusan dari Kementerian Kewangan telah menaikkan kadar pendapatan kelayakan bantuan daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan untuk disesuaikan dengan kos sara hidup semasa.

Melalui skim bantuan yang disediakan dengan kadar yang bersesuaian, Kementerian merasakan bahawa golongan miskin dan memerlukan dapat dibantu untuk meringankan beban dan mengurangkan kesan yang dialami akibat daripada kenaikan kos harian hidup.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 26 JUN 2008
RUJUKAN : 1069

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai orang-orang Cina dan India yang memohon untuk memperolehi status kerakyatan dan penduduk tetap, termasuk suami/isteri warga Malaysia yang lama tinggal dan melahirkan anak di negara ini. Apakah syarat-syarat untuk memperolehi status kerakyatan dan penduduk tetap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi suami atau isteri yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia bagi tempoh tahun 2004 hingga Mei 2008 yang telah diterima dari kaum Cina seramai 1006 orang dan bagi kaum India seramai 1309 orang. Syarat-syarat untuk memohon taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan dan di antara syarat-syarat tersebut ialah:-

- (i) Pemohon hendaklah telah menetap di Malaysia di dalam tempoh selama 2 tahun hingga 12 tahun mengikut cara permohonan yang berkaitan. Jika permohonan daripada isteri asing, tempoh yang diperlukan 2 tahun. Permohonan daripada suami asing, tempoh yang dikehendaki ialah 12 tahun.
- (ii) Kerajaan berpuas hati bahawa pemohon berniat untuk tinggal tetap di negara ini.
- (iii) Berkelakuan baik.

- (iv) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.

Berhubung permohonan pemastautin tetap untuk mendapatkan kad pengenalan MyPR bagi suami dan isteri kepada warganegara sehingga Mei 2008 bagi kaum Cina sebanyak 2,055 pemohon dan India sebanyak 10,328. Syarat-syarat bagi mendapatkan kad pengenalan MyPR ialah:-

- (i) Telah memperoleh Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan memiliki dokumen perjalanan.
- (ii) Lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka tetapi tiada tuntutan sebagai warganegara.
- (iii) Kanak-kanak yang lahir di Persekutuan yang telah didaftar sebagai Anak Angkat.
- (iv) Pemegang *Re-entry Permit* atau pasport yang mengandungi *Cop Re-entry Permit* oleh Jabatan Imigresen.
- (v) Orang-orang yang dilucutkan taraf kewarganegaraan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TARIKH : 26 JUN 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO.97

Tuan Haji Ahmad bin Maslan [Pontian] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah siswa dan siswi mengikut pecahan IPTA yang ada sekarang. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membangunkan lagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) agar lebih ramai pelajar berpeluang memasukinya dengan contoh senarai kursus-kursus terkini yang menepati kehendak semasa pasaran negara dan dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 2007 adalah seramai 382,997 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 28,861 orang di Universiti Malaya, 26,995 orang di Universiti Sains Malaysia, 25,941 orang di Universiti Kebangsaan Malaysia, 27,968 orang di Universiti Putra Malaysia dan 33,252 orang di Universiti Teknologi Malaysia.

Penubuhan sesebuah IPTA adalah berdasarkan kepada keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja. Justeru, Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara.

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di IPT berada pada tahap terbaik, IPT sentiasa mengubahsuai dan mengkaji kurikulum dari masa ke semasa mengikut kitaran atau *cycle* dengan izin bagi setiap tiga hingga lima tahun bergantung kepada kursus pengajian. Kajian kurikulum ini akan mengambil kira input daripada ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Disamping itu, kajian halatuju juga dilakukan untuk menambah baik struktur kurikulum sedia ada bagi memastikan graduan yang bakal dihasilkan adalah berkualiti, *marketable*, dengan izin dan menepati keperluan industri.